



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI

NEGERI MELAKA

TAHUN 2014

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI
NEGERI MELAKA**

**Jabatan Audit Negara
Malaysia**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014	
Pendahuluan	3
Objektif Dan Metodologi Pengauditan	4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014	4
BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Latar Belakang	7
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	7
Kumpulan Wang Disatukan	7
Wang Awam	9
Akaun Hasil Disatukan	11
Akaun Pinjaman Disatukan	20
Akaun Amanah Disatukan	20
Penyata Prestasi Kewangan	28
Akaun Memorandum	29
Nota Kepada Penyata Kewangan	40
Rumusan Dan Syor Audit	42
BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI	
Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-10	47
Rumusan	49
BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	53
Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Negeri	53
Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti	54
Objektif Pengauditan	55
Skop Dan Metodologi Pengauditan	55
Kawalan Utama	55
Penemuan Audit	67

PERKARA**MUKA SURAT**

Pemeriksaan Audit Mengejut	75
Penemuan Audit	75
Syor Audit	78

BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

Pendahuluan	81
Pengauditan Penyata Kewangan	81
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	81
Pengesahan Penyata Kewangan	82
Pembentangan Penyata Kewangan	83
Prestasi Kewangan	83
Rumusan Dan Syor Audit	94

BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri; Dan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan	97
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	97

PENUTUP 103**LAMPIRAN**

I	Sijil Ketua Audit Negara	107
II	Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Bendahari Negeri	108
III	Penyata Kedudukan Kewangan	109
IV	Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	110
V	Penyata Prestasi Kewangan	112
VI	Penyata Akaun Memorandum	113
VII	Nota Kepada Penyata Kewangan	114

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka memperkenankan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Melaka.
2. Laporan saya ini adalah mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Melaka Tahun 2014 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2014. Semasa pengauditan dijalankan, pemeriksaan telah dibuat secara teliti lagi telus terhadap segala langkah yang diambil oleh Jabatan/Agensi bagi melindungi semua pemungutan, penjagaan serta pembayaran wang awam daripada berlakunya ketidakakuran yang serius.
3. Pengauditan terhadap penyata kewangan adalah dibuat dengan berpandukan kepada Piawaian Dasar Perakaunan Kerajaan dan bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Manakala pengauditan terhadap pengurusan kewangan adalah bertujuan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan khususnya berhubung dengan kawalan pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset dan stor, pinjaman, pelaburan dan penyediaan penyata kewangan.
4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting untuk menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Melaka yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI HJ. AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

14 Julai 2015

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2014. Semua butiran dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan telah disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada akhir tahun 2014 adalah memuaskan. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2014 berjumlah RM99.67 juta iaitu meningkat tinggi sejumlah RM41.54 juta atau 71.5% berbanding tahun 2013. Walau bagaimanapun, pada tahun 2014, Kerajaan Negeri mengalami defisit sejumlah RM52.81 juta. Hasil yang diperoleh pada tahun 2014 adalah berjumlah RM256.32 juta menurun sejumlah RM46.58 juta daripada tahun 2013. Perbelanjaan mengurus pula meningkat sejumlah RM7.00 juta menjadi RM309.13 juta. Selain itu, hutang awam Kerajaan Negeri telah menurun sejumlah RM15.02 juta menjadi RM861.71 juta. Jumlah tunggakan bayaran balik hutang awam juga meningkat sejumlah RM39.53 juta menjadi RM265.08 juta sungguhpun Kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik hutang awam kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM19.77 juta.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan tahun 2014 yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Melaka di bawah RMKe-10 adalah sangat baik. Sejumlah RM58.00 juta atau 93.8% daripada RM61.86 juta peruntukan yang diagihkan kepada 11 Jabatan telah dibelanjakan. Dari segi pelaksanaan projek pula, daripada 163 projek yang dirancang, sebanyak 147 atau 90.2% projek telah disiapkan.

BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan tahun 2014 di peringkat Jabatan/Agensi berada di peringkat baik. Daripada 10 Jabatan/Agensi yang diaudit, 4 Jabatan/Agensi mendapat penarafan sangat baik, 5 Jabatan/Agensi mendapat tahap baik dan satu Jabatan/Agensi mendapat tahap memuaskan. Prestasi pengurusan kewangan bagi

Jabatan Mufti Negeri Melaka, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah berada pada tahap sangat baik. Lima Jabatan/Agensi adalah pada tahap baik iaitu Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Melaka, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Perbadanan Teknologi Hijau Melaka dan Lembaga Perumahan Melaka. Walau bagaimanapun terdapat satu Agensi iaitu Majlis Sukan Negeri Melaka memperoleh tahap memuaskan.

BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

5. Prestasi penyerahan penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri Melaka adalah memuaskan. Enam belas Agensi telah menyerahkan Penyata Kewangan Tahun 2014 untuk diaudit. Kesemua 16 Penyata Kewangan tahun 2013 telah dikeluarkan Sijil Audit di mana 13 Agensi mendapat Sijil Tanpa Teguran dan hanya 3 Agensi mendapat Sijil Berteguran. 15 Penyata Kewangan berserta Sijil Ketua Audit Negara tahun 2013 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Penyata Kewangan Majlis Sukan Negeri Melaka tidak perlu dibentangkan.

BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

6. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Melaka 2013 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 10 November 2014. Pada tahun 2014, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Melaka (Jawatankuasa) telah bersidang sebanyak 3 kali dan 2 daripadanya telah pun dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013. Pada 11 September 2014, Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat untuk membincangkan maklum balas mengenai isu-isu Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 dan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 bagi Siri 1 dan Siri 2. Jawatankuasa telah memanggil Jabatan yang berkaitan bagi mendapatkan penjelasan mengenai tindakan yang telah diambil terhadap isu yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.



BAHAGIAN I
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2014

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 kepada Jabatan Audit Negara pada **10 Mac 2015**. Penyata tersebut melaporkan semua urusan kewangan asas tunai bagi tahun 2014 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan pegangan Wang Awam Kerajaan terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2014. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebih atau kurang hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Tuntut dan Pelaburan. Tanggungan Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.7. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai amaun yang ditunjukkan dalam Penyata Kewangan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2014. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Negeri melalui surat pengurusan Audit sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan. *Exit Conference* bersama YB Datuk Wira Setiausaha Kerajaan Negeri, YB Datuk Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan telah diadakan pada 29 Mei 2015.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

3.1. Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957, dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan serta *International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 1000*. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara.

3.2. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Kewangan. Persembahan Penyata Kewangan Negeri Melaka pada tahun 2014 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014, juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Melaka. Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan Negeri. Analisis yang dibuat adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

4.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.2.1. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2014 adalah berjumlah RM99.67 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM77.57 juta dan pelaburan sejumlah RM22.10 juta. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada 3 akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Butiran	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1	Akaun Hasil Disatukan	34.06	-18.74	-52.80	-155.0
2	Akaun Pinjaman Disatukan	0	0	0	0
3	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	24.07	118.41	94.34	391.9
	i) <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	-361.95	-401.81	-39.86	11.0
	ii) <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	330.24	464.60	134.36	40.7
	iii) <i>Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	33.61	33.82	0.21	0.6
	iv) <i>Akaun Wang Deposit</i>	22.17	21.81	-0.36	-1.6
	Jumlah	58.13	99.67	41.54	71.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.2.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan meningkat kepada RM99.67 juta pada tahun 2014 berbanding RM58.13 juta pada tahun 2013 iaitu meningkat dengan ketara sejumlah RM41.54 juta atau 71.5%. Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2014 menunjukkan penurunan iaitu daripada RM34.06 juta pada tahun 2013 kepada defisit RM18.74 juta pada tahun 2014. Manakala Akaun Amanah Disatukan menunjukkan peningkatan iaitu daripada RM24.07 juta pada tahun 2013 kepada RM118.41 juta pada tahun 2014. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.2** dan **Carta 4.1**.

Jadual 4.2
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Tahun 2010 Hingga 2014

Bil.		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Akaun Hasil Disatukan	3.17	3.43	33.29	34.06	-18.74
2	Akaun Pinjaman Disatukan	0	0	0	0	0
3	Akaun Amanah Disatukan	96.81	57.48	47.82	24.07	118.41
	terdiri daripada:					
	i) <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	-199.89	-251.99	-300.10	-361.95	-401.81
	ii) <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	237.13	242.72	289.35	330.24	464.60
	iii) <i>Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	33.04	39.72	34.44	33.61	33.82
	iv) <i>Akaun Wang Deposit</i>	26.53	27.03	24.13	22.17	21.81
	Jumlah	99.98	60.91	81.11	58.13	99.67

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Tahun 2010 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.3. WANG AWAM

4.3.1. Pelaburan

4.3.1.1. Seksyen 8 Akta Tatacara Kewangan 1957, menyatakan Kerajaan Negeri boleh membuat pelaburan di bank, institusi kewangan dan syarikat sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah selaras dengan Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Amanah dan peraturan yang dikuatkuasakan. Manakala Pelaburan Am merupakan pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada Kumpulan Wang Amanah.


4.3.1.2. Pada akhir tahun 2014 pelaburan berjumlah RM22.10 juta berbanding tahun 2013 berjumlah RM21.41 juta, meningkat sedikit iaitu sejumlah RM0.69 juta atau 3.2%. Peningkatan ini adalah kerana pertambahan pelaburan saham tersiar harga dan juga simpanan tetap. Maklumat terperinci pelaburan Kerajaan Negeri pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.3** dan kedudukan pelaburan bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Carta 4.2**.

Jadual 4.3
Kedudukan Pelaburan Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Butiran	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1	Simpanan Tetap	11.20	12.60	1.40	12.5
2	Saham Tersiar Harga	8.70	8.99	0.29	3.3
3	Portfolio Pengurusan Dana	1.00	0	-1.00	-100.0
4	Saham Amanah	0.51	0.51	0	0
Jumlah		21.41	22.10	0.69	3.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.2
Kedudukan Pelaburan Tahun 2010 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


4.3.1.3. Analisis pulangan dalam bentuk dividen dari pelaburan saham tersiar harga, keuntungan pelaburan portfolio Pengurus Dana dan simpanan tetap melebihi 6 bulan bagi tempoh 5 tahun iaitu bagi tahun 2010 hingga 2014 menunjukkan kadar pulangan antara 4.9% hingga 9.1% seperti di **Jadual 4.4** dan **Carta 4.3**.

Jadual 4.4
Pulangan Ke Atas Pelaburan Saham Tersiar Harga/Portfolio Pengurus Dana/ Simpanan Tetap Tahun 2010 Hingga 2014

Tahun	Pelaburan				Dividen/Keuntungan	
	Saham Tersiar Harga	Saham Portfolio	Simpanan Tetap	Jumlah	(RM Juta)	(%)
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)		
2010	9.98	5.00	0	14.98	0.95	6.3
2011	9.98	3.00	0	12.98	0.68	5.2
2012	7.18	3.00	0	10.18	0.93	9.1
2013	8.70	1.00	8.60	18.30	1.17	6.4
2014	8.99	0	10.00	18.99	0.94	4.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.3
Pelaburan Saham Tersiar Harga/Portfolio Pengurus Dana/Simpanan Tetap Berbanding
Pulangan Pelaburan Tahun 2010 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN

4.4.1. Prestasi Akaun Hasil Disatukan

4.4.1.1. Akaun Hasil Disatukan merupakan penyata yang menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi satu tahun kewangan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

4.4.1.2. Akaun Hasil Disatukan bagi tahun kewangan 2014 telah mengalami defisit semasa berjumlah RM52.81 juta berbanding surplus berjumlah RM0.77 juta pada tahun 2013. Defisit ini yang pertama kali dalam masa lima tahun berpunca daripada perbelanjaan mengurus yang berjumlah RM309.13 juta melebihi hasil Kerajaan Negeri yang berjumlah RM256.32 juta. Defisit semasa dalam Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2014 telah menyebabkan baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan kepada defisit RM18.74 juta berbanding surplus RM34.06 juta pada tahun 2013. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2014 berbanding 2013 adalah seperti di **Jadual 4.5**. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.6** dan **Carta 4.4**.

Jadual 4.5
Akaun Hasil Disatukan Tahun 2014 Berbanding 2013

Perkara	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	33.29	34.06	0.77	2.3
Hasil	302.90	256.32	-46.58	-15.4
Perbelanjaan Mengurus	302.13	309.13	7.00	2.3
Surplus/Defisit	0.77	-52.81	-53.58	-6,958.4
Baki Pada 31 Disember	34.06	-18.74	-52.80	-155.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.6
Kedudukan Akaun Hasil Disatukan Tahun 2010 Hingga 2014

Butiran	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	0.30	3.17	3.43	33.29	34.06
Hasil	355.90	271.79	315.96	302.90	256.32
Perbelanjaan Mengurus	353.03	271.53	286.10	302.13	309.13
Surplus/Defisit	2.87	0.26	29.86	0.77	-52.81
Baki Pada 31 Disember	3.17	3.43	33.29	34.06	-18.74

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.4
Perbandingan Hasil Dan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2010 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.2. Hasil

4.4.2.1. Kerajaan Negeri memungut 3 jenis hasil iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri telah mencatatkan kutipan hasil berjumlah RM256.32 juta berbanding anggaran hasil berjumlah RM272.57 juta. Kutipan hasil sebenar kurang sejumlah RM16.25 juta atau 5.9% berbanding anggaran bagi hasil cukai dan terimaan bukan hasil. Kutipan hasil sebenar berbanding anggaran Kerajaan Negeri pada tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Kutipan Hasil Sebenar Berbanding Anggaran Tahun 2014

Bil.	Kategori Hasil	Anggaran Diluluskan (RM Juta)	Hasil Sebenar (RM Juta)	Pencapaian (%)
1	Hasil Cukai	104.32	90.16	86.4
2	Hasil Bukan Cukai	103.48	103.98	100.5
3	Terimaan Bukan Hasil	64.77	62.18	96.0
Jumlah		272.57	256.32	94.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.2.2. Secara keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2014 berjumlah RM256.32 juta, menurun dengan agak ketara iaitu sejumlah RM46.58 juta atau 15.4% berbanding RM302.90 juta pada tahun 2013 seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8
Kutipan Hasil Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Kategori Hasil	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1	Hasil Cukai	83.15	90.16	7.01	8.4
2	Hasil Bukan Cukai	163.13	103.98	-59.15	-36.3
3	Terimaan Bukan Hasil	56.62	62.18	5.56	9.8
Jumlah		302.90	256.32	-46.58	-15.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.2.3. Pada tahun 2014, 5 butiran hasil yang telah mencatatkan peningkatan dan penurunan yang ketara berbanding pada tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.9** dan **Jadual 4.10**.

Jadual 4.9
Peningkatan Hasil Yang Ketara Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Butiran Hasil	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan		Punca Peningkatan
				(RM Juta)	(%)	
1	Lebih dari Penutupan Akaun Amanah	2.93	12.87	9.94	339.2	Baki Akaun Amanah Zoo Melaka yang ditutup pada tahun 2014 dan dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan adalah lebih tinggi berbanding 4 akaun amanah yang ditutup pada tahun 2013.
2	Dividen Keuntungan Darpada Tabung Amanah Melaka	4.46	8.92	4.46	100.0	Peningkatan disebabkan pertambahan terimaan dividen.
3	Tunggakan Cukai Tanah	3.57	6.25	2.68	75.1	Peningkatan disebabkan pejabat daerah dan tanah telah mengambil pelbagai tindakan untuk mengurangkan tunggakan cukai tanah.
4	Royalti Yang Lain	2.24	4.83	2.59	115.6	Peningkatan bayaran royalti pasir kepada Kerajaan Negeri.
5	Bayaran Perkhidmatan Yang Lain	1.07	3.48	2.41	225.2	Peningkatan bayaran komitmen dan bayaran proses disebabkan peningkatan permohonan untuk projek menambak laut di Melaka.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.10
Penurunan Hasil Yang Ketara Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Butiran Hasil	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan		Punca Penurunan
				(RM Juta)	(%)	
1	Premium Tanah	119.28	53.18	66.10	55.4	Penurunan kerana permohonan projek pembangunan tanah berkurangan.
2	Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan	16.29	13.87	2.42	14.9	Penurunan ini disebabkan oleh kemajuan kerja bagi projek-projek persekutuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri kurang memberangsangkan.
3	Cukai Tanah Tahun Pertama	3.87	1.49	2.38	61.5	Penurunan kerana permohonan projek pembangunan tanah berkurangan.
4	Pelbagai Bayaran Balik	3.00	1.20	1.80	60.0	Penjadualan baki bayaran balik pampasan bangunan TASCO di atas PT6616 Mukim Durian Tunggal Daerah Alor Gajah oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka.
5	Bayaran Balik Pinjaman Perumahan	1.64	0	1.64	100.0	Tiada bayaran balik hutang daripada FELCRA pada tahun 2014.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


4.4.2.4. Analisis perbandingan kutipan hasil bagi tahun 2010 hingga 2014 menunjukkan trend penurunan kutipan hasil mulai tahun 2011 sehingga 2014 berbanding kutipan hasil tahun 2010. Kutipan hasil tahun 2014 adalah yang terendah dalam tempoh 5 tahun. Kedudukan kutipan hasil bagi tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.11** dan **Carta 4.5**.

Jadual 4.11
Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Tahun 2010 Hingga 2014

Butiran	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Hasil Cukai	76.61	80.14	87.10	83.15	90.16
Hasil Bukan Cukai	162.63	122.88	152.02	163.13	103.98
Terimaan Bukan Hasil	116.66	68.77	76.84	56.62	62.18
Baki Pada 31 Disember	355.90	271.79	315.96	302.90	256.32

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.5
Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Tahun 2010 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.2.5. Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri adalah terdiri daripada Premium Tanah, Cukai Tanah Semasa, Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan, Pemberian Hitung Kepala dan Bayaran Pendaftaran Pindah Milik Tanah. Kelima-lima hasil ini menyumbang sejumlah RM156.90 juta atau 61.2% daripada keseluruhan hasil pada tahun 2014 berbanding kutipan berjumlah RM223.05 juta atau 73.6% pada tahun 2013 seperti di **Jadual 4.12**. Manakala trend kutipan bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.13**. Cukai Tanah Semasa merupakan penyumbang terbesar dengan kutipan berjumlah RM64.99 juta bagi tempoh tersebut dan diikuti oleh Premium Tanah dan Pemberian Hitung Kepala yang masing-masingnya berjumlah RM53.18 juta dan RM14.56 juta.

Jadual 4.12
Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Butiran Hasil	2013		2014	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1	Premium Tanah	119.28	39.4	53.18	20.7
2	Cukai Tanah Semasa	62.96	20.8	64.99	25.4
3	Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan	16.29	5.4	13.87	5.4
4	Pemberian Hitung Kepala	14.45	4.8	14.56	5.7
5	Bayaran Pendaftaran Pindah Milik Tanah	10.07	3.3	10.30	4.0
Jumlah		223.05	73.6	156.90	61.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.13
Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Tahun 2010 Hingga 2014

Bil.	Butiran Hasil	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Premium Tanah	54.08	82.00	110.05	119.28	53.18
2	Cukai Tanah Semasa	61.81	62.04	65.24	62.96	64.99
3	Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan	20.84	18.76	20.82	16.29	13.87
4	Pemberian Hitung Kepala	14.08	14.25	14.35	14.45	14.56
5	Bayaran Pendaftaran Pindah Milik Tanah	6.83	7.92	9.38	10.07	10.30
Jumlah		157.64	184.97	219.84	223.05	156.90

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.3. Perbelanjaan Mengurus

4.4.3.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Perbelanjaan Tanggungan akan dipertanggungjawabkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan seperti bayaran pencen, ganjaran, pampasan, bayaran balik pinjaman dan bayaran lain dengan perintah mahkamah. Manakala perbelanjaan perbekalan adalah untuk membiayai aktiviti dan pengurusan harian. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada 5 jenis iaitu Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan, Aset, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap dan Perbelanjaan Lain. Anggaran asal perbelanjaan mengurus tahun 2014 adalah RM272.35 juta dan disemak menjadi RM339.43 juta. Sejumlah RM309.13 juta adalah perbelanjaan mengurus sebenar yang merupakan 91.1% daripada anggaran perbelanjaan yang disemak. Perbandingan anggaran perbelanjaan dengan perbelanjaan mengurus sebenar adalah seperti di **Jadual 4.14.**

Jadual 4.14
Perbelanjaan Mengurus Sebenar Berbanding Anggaran Tahun 2014

Bil.	Maksud Perbelanjaan	Anggaran Disemak (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Pencapaian (%)
1	Emolumen	103.33	97.03	93.9
2	Perkhidmatan Dan Bekalan	116.42	112.65	96.8
3	Aset	4.96	4.78	96.4
4	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	113.61	93.59	82.4
5	Perbelanjaan Lain	1.11	1.08	97.3
Jumlah		339.43	309.13	91.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.3.2. Pada tahun 2014, perbelanjaan mengurus telah meningkat sejumlah RM7.00 juta atau 2.3% daripada RM302.13 juta pada tahun 2013 kepada RM309.13 juta pada tahun 2014. Punca peningkatan perbelanjaan ini sebahagian besarnya adalah disebabkan peningkatan terhadap butiran Perkhidmatan dan Bekalan dari RM105.07 juta pada tahun 2013 kepada RM112.65 juta pada tahun 2014 iaitu meningkat sejumlah RM7.58 juta atau 7.2%. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada tahun 2014 berbanding 2013 mengikut jenis perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 4.15**.

Jadual 4.15
Perbelanjaan Mengurus Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Maksud Perbelanjaan	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1	Emolumen	97.01	97.03	0.02	0
2	Perkhidmatan Dan Bekalan	105.07	112.65	7.58	7.2
3	Aset	3.94	4.78	0.84	21.3
4	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	94.70	93.59	-1.11	-1.2
5	Perbelanjaan Lain	1.41	1.08	-0.33	-23.4
Jumlah		302.13	309.13	7.00	2.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


4.4.3.3. Analisis Audit mendapati trend perbelanjaan mengurus bagi tahun 2010 hingga 2014 menunjukkan penurunan pada tahun 2011 dan peningkatan pada tahun 2012, 2013 dan 2014 seperti ditunjukkan di **Jadual 4.16** dan **Carta 4.6**.

Jadual 4.16
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Tahun 2010 Hingga 2014

Bil.	Maksud Perbelanjaan	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Emolumen	75.29	77.61	88.76	97.01	97.03
2	Perkhidmatan Dan Bekalan	101.74	87.98	104.87	105.07	112.65
3	Aset	3.07	1.09	2.91	3.94	4.78
4	Pemberian Dan Kenaan Tetap	169.11	100.98	87.37	94.70	93.59
5	Perbelanjaan Lain	3.82	3.87	2.19	1.41	1.08
Jumlah		353.03	271.53	286.10	302.13	309.13

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.6
Kedudukan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Tahun 2010 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.3.4. Analisis Audit mendapati 5 jenis perbelanjaan mengurus yang meningkat dengan ketara antara RM1.09 juta hingga RM4.06 juta atau 5.7% hingga 519.0% pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.17**. Manakala 5 butiran perbelanjaan yang menurun dengan ketara pada tahun 2014 iaitu antara 6.8% hingga 82.7% pada tahun 2014 berbanding 2013 adalah seperti di **Jadual 4.18**.

Jadual 4.17
Peningkatan Perbelanjaan Mengurus Yang Ketara Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Butiran	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Peningkatan		Punca Peningkatan
				(RM Juta)	(%)	
1	Perkhidmatan Iktisas Dan Perkhidmatan Lain	62.99	67.05	4.06	6.4	Kenaikan gaji tahunan kakitangan kontrak, Bayaran Premium Insurans Kesihatan, percetakan dan perkhidmatan kawalan keselamatan
2	Gaji Dan Upahan	60.41	63.86	3.45	5.7	Kenaikan gaji tahunan
3	Perhubungan dan Utiliti	13.58	15.04	1.46	10.7	Bayaran bil utiliti Aras 5 UTC
4	Kenderaan dan Jentera	0.59	1.75	1.16	196.6	Pembelian Kenderaan Jabatan
5	Pencen	0.21	1.30	1.09	519.0	Bayaran pencen terbitan
Jumlah		137.78	149.00	11.22	8.1	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.18
Penurunan Perbelanjaan Mengurus Yang Ketara Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Butiran	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Penurunan		Punca Penurunan
				(RM Juta)	(%)	
1	Ganjaran	3.30	0.57	2.73	82.7	Ganjaran Pencen ADUN
2	Harta Modal Yang Lain	3.25	2.77	0.48	14.8	Kawalan pembelian harta modal
3	Pengangkutan Barang-barang	0.98	0.52	0.46	46.9	Perbelanjaan pengangkutan berkurangan
4	Pulangan Balik Dan Hapuskira	1.37	1.06	0.31	22.6	Kes pulangan balik dan hapuskira berkurangan
5	Sumbangan Berkanun untuk Kakitangan	2.36	2.20	0.16	6.8	Kakitangan Tetap memilih skim pencen
Jumlah		11.26	7.12	4.14	36.8	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.4. Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

4.4.4.1. Arahan Perbendaharaan 58(a) [AP58(a)] memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat Kementerian/Jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut.

4.4.4.2. Pembayaran di bawah AP58(a) pada tahun 2014 adalah berjumlah RM0.44 juta berbanding RM0.79 juta pada tahun 2013 iaitu menurun sejumlah RM0.35 juta. Sebahagian besar perbelanjaan adalah untuk bayaran perkhidmatan perubatan pesara, perkhidmatan pembersihan dan cuci bangunan serta pakaian istiadat. Butiran pembayaran di bawah AP58(a) pada tahun 2014 berbanding 2013 adalah seperti di **Jadual 4.19**.

Jadual 4.19
Pembayaran Di Bawah AP58(a) Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Jabatan	2013		2014	
		Bil. Baucar Bayaran	Jumlah (RM)	Bil. Baucar Bayaran	Jumlah (RM)
1	Jabatan Ketua Menteri	4	78,190	6	38,720
2	Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan	37	367,867	32	342,007
3	Jabatan Agama Islam	0	0	13	46,517
4	Jabatan Pengairan Dan Saliran	2	1,884	0	0
5	Jabatan Kerja Raya	3	469	0	0
6	Pejabat Tanah Dan Galian	89	341,307	2	16,796
7	Jabatan Kebajikan Masyarakat	1	124	0	0
Jumlah		136	789,841	53	444,040

Sumber: Data SPEKS Kerajaan Negeri

4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut kehendak Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan pindahan penerimaan pinjaman ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pada tahun 2014, baki Akaun Pinjaman Disatukan adalah berbaki sifar pada akhir tahun 2014 disebabkan tiada pinjaman yang dibuat dan diterima pada tahun 2014 serta kesemua pinjaman yang diterima pada tahun-tahun sebelumnya telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7 (c) Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini terbahagi kepada 3 Kumpulan Wang iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan wang amanah dan digunakan mengikut terma-terma amanah tersebut. Pada akhir tahun 2014, baki Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM118.41 juta, meningkat dengan ketara iaitu sejumlah RM94.35 juta atau 392.1% berbanding RM24.06 juta pada tahun 2013. Peningkatan akaun amanah ini adalah disebabkan antaranya penjualan Kompleks Terminal Bas Melaka Sentral di bawah Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Melaka dan penerimaan bayaran pampasan di bawah Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hartanah Negeri Melaka untuk diagihkan kepada pihak yang terlibat. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.20**.

Jadual 4.20
Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Disatukan Tahun 2014 Berbanding 2013

Perkara	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan	
			(RM Juta)	(%)
Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	-31.71	62.79	94.50	-298.0
Kumpulan Wang Amanah Awam	33.61	33.81	0.20	0.6
Akaun Wang Deposit	22.16	21.81	-0.35	-1.6
Jumlah	24.06	118.41	94.35	392.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri dari Kumpulan Wang Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk maksud tertentu. Sebahagian Kumpulan Wang Amanah ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Kumpulan Wang ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

4.6.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 70), dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan bagi Kumpulan Wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan, Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup dan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi maksud pembangunan. Kumpulan Wang Pembangunan ini hanya boleh dibelanjakan bagi maksud yang ditentukan dalam Akta tersebut.
- b. Pada akhir tahun 2014, baki Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan defisit tahun semasa berjumlah RM39.85 juta berbanding defisit tahun 2013 berjumlah RM61.85 juta. Penurunan defisit semasa sejumlah RM22.00 juta atau 35.69% ini adalah disebabkan pengurangan peruntukan dan bilangan projek yang dilaksanakan pada tahun 2014 berbanding tahun 2013. Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2014 berjumlah RM18.15 juta terdiri daripada pemberian tahap pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat daripada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM17.14 juta, sewa rumah awam kos rendah sejumlah RM0.76 juta dan jualan rumah kos rendah sejumlah RM0.25 juta. Terimaan ini hanya dapat menampung 31.3% perbelanjaan pembangunan yang berjumlah RM58.00 juta. Pada tahun 2014, tiada pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Kumpulan Wang Pembangunan dibuat oleh Kerajaan Negeri walaupun peruntukan yang telah diluluskan dalam Bajet 2014 berjumlah RM28.30 juta. Oleh kerana tiada pindahan yang dibuat dari Akaun Hasil Disatukan ke Kumpulan Wang Pembangunan, perkara ini antaranya telah menyebabkan baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan meningkat sejumlah RM39.86 juta atau 11% iaitu menjadi RM401.81 juta pada tahun 2014 berbanding RM361.95 juta pada tahun 2013. Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2014 berbanding 2013 adalah seperti di **Jadual 4.21**.

Jadual 4.21
Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 2014 Berbanding 2013

Perkara	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-300.10	-361.95	-61.85	20.6
Penerimaan	27.11	18.15	-8.96	-33.1
Perbelanjaan	88.96	58.00	-30.96	-34.8
Defisit	-61.85	-39.85	22.00	-35.6
Baki Pada 31 Disember	-361.95	-401.81	-39.86	11.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.1.2. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka,

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 melalui resolusi Dewan Undangan Negeri dan Akaun Kena Bayar. Wang dalam Kumpulan Wang ini hanya boleh digunakan bagi maksud ianya ditubuhkan. Pada akhir tahun 2014, baki Kumpulan Wang ini meningkat sejumlah RM134.36 juta atau 40.7% menjadi RM464.60 juta berbanding RM330.24 juta pada tahun 2013. Peningkatan ini disebabkan penjualan hartanah Kompleks Terminal Bas Melaka Sentral berjumlah RM50.10 juta di bawah Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Melaka dan deposit pengambilan balik tanah berjumlah RM35.30 juta di bawah Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hartanah Negeri Melaka. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2014 berbanding 2013 adalah seperti di **Jadual 4.22**.

Jadual 4.22
Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan
Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Perkara	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1	Akaun Pinjaman	175.71	5.52	-170.19	-96.9
2	Akaun Amanah Kerajaan	132.17	215.11	82.94	62.8
3	Akaun Kena Bayar	11.06	8.99	-2.07	-18.7
4	Akaun Penyelesaian	10.28	223.96	213.68	2,078.6
5	Kumpulan Wang Luar Jangka	1.02	11.02	10.00	980.4
Baki Pada 31 Disember		330.24	464.60	134.36	40.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

a. Akaun Amanah Yang Ditutup

Pada tahun 2014, satu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berbaki sifar dan satu Akaun Amanah Awam berbaki RM12.83 juta telah ditutup kerana tidak aktif dan tidak lagi diperlukan dan bakinya telah dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan. Butiran akaun amanah yang terlibat adalah seperti di **Jadual 4.23**.

Jadual 4.23
Akaun Amanah Kerajaan Ditutup Tahun 2014

Bil.	Nama Akaun Amanah	Jumlah (RM Juta)
1	Kumpulan Wang Amanah Perbadanan Ketua Menteri	0
2	Akaun Amanah Zoo Melaka	12.83
Jumlah		12.83

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

b. Akaun Penyelesaian

Merujuk kepada Arahan Perbendaharaan 153, semua urusan termasuk di bawah Akaun Penyelesaian Antara Pejabat-pejabat Perakaunan dan Kumpulan Wang Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan dalam kedua-dua Kumpulan Wang Amanah Jadual Kedua dan Ketiga Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]

hendaklah diselesaikan dengan secepat mungkin. Pada akhir tahun 2014, sebanyak 12 akaun penyelesaian masih belum diselesaikan yang berjumlah RM3.20 juta seperti di **Jadual 4.24** di mana ada antaranya didapati tiada transaksi sejak tahun 2013.

Jadual 4.24
Kedudukan Akaun Penyelesaian Yang Berbaki Tahun 2014 Dan 2013

Bil.	Akaun Penyelesaian	Baki Pada 31 Disember	
		2013 (RM)	2014 (RM)
1	Akaun Penyelesaian Pinjaman Persekutuan	7,925,149	3,655,816
2	Akaun Penyelesaian - Akaun Semasa Antara Pentadbiran	300,000	300,000
3	Akaun Pelarasan Bank	270,858	270,858
4	Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan	20,000	20,000
5	Akaun Penyelesaian 2012	26,095	233,706
6	Kutipan E-Permit Jabatan Perkhidmatan Veterinar	60	525
7	Pembayaran Pendahuluan Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat	-1,244,890	-1,425,030
8	Jabatan Akauntan Negara Malaysia	0	4,230
9	Lembaga Perumahan Melaka	0	8,679
10	Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Negeri	0	678
11	Pelarasan Gaji	0	132,965
12	Biro Perkhidmatan Angkasa	0	907
Jumlah		7,297,273	3,203,334

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Nota: Baki (-) baki debit, manakala baki (+) adalah baki kredit

c. Akaun Pendahuluan Bayaran Khas Kewangan Negeri Melaka

Kerajaan Negeri telah menerima pendahuluan daripada Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2007. Mulai tahun 2010, pendahuluan daripada Kerajaan Persekutuan telah diakaunkan ke Akaun Pendahuluan Bayaran Khas Kewangan Negeri Melaka. Pada akhir tahun 2014, akaun ini berbaki RM218.01 juta, tidak termasuk RM22.96 juta yang masih belum diselaraskan dari Akaun Hasil Disatukan. Pada tahun 2013, Kementerian Kewangan telah meluluskan penjadualan semula bayaran balik Pendahuluan Kerajaan Negeri berjumlah RM195.96 juta melibatkan bayaran balik secara tunai berjumlah RM20.00 juta setahun mulai tahun 2014 hingga 2023. Dengan itu mulai tahun 2014, Kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik pendahuluan sejumlah RM5 juta daripada RM20.00 juta yang sepatutnya dibayar kepada Kerajaan Persekutuan. Ini menyebabkan tunggakan bayaran balik pendahuluan pada akhir tahun 2014 berjumlah RM15.00 juta. Kedudukan baki pendahuluan dari Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Carta 4.7**.

Carta 4.7
Kedudukan Baki Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan Tahun 2010 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

d. Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun

Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun telah digunakan untuk memperakaunkan pinjaman yang diberi kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri dan Syarikat Kerajaan Negeri daripada sumber Negeri. Pada tahun 2014, pinjaman terkumpul kepada Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berjumlah RM148.31 juta daripada had pusingan akaun iaitu RM150.53 juta. Pada tahun 2014, pinjaman telah diberikan kepada 2 Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berjumlah RM2.81 juta seperti di **Jadual 4.25**.

Jadual 4.25
Pinjaman Yang Diberi Kepada Agensi/Syarikat Tahun 2014

Bil.	Agensi/Syarikat Yang Meminjam	Tujuan Pinjaman	Jumlah (RM Juta)
1	Perbadanan Stadium Melaka	Membiayai Permasalahan Pencahayaan Lampu Limpah	0.81
		Membiayai Tunggakan Bil Utiliti	0.50
2	Kolej Teknologi Islam Melaka	<i>Endowment Fund</i> - Naiktaraf KTIAM	1.50
Jumlah			2.81

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

e. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan

- i. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan ditubuhkan bertujuan untuk mengakaunkan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan di bawah Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan bagi

membiaiyai penyelenggaraan jalan raya negeri. Panjang jalan raya negeri pada penghujung tahun 2014 adalah 3,024.27 kilometer.

- ii. Pada awal tahun 2014, sejumlah RM81.93 juta terimaan telah diakaunkan ke dalam akaun amanah ini. Sejumlah RM81.92 juta daripadanya merupakan pemberian oleh Kerajaan Persekutuan, manakala RM14,875 lagi adalah merupakan pindahan terimaan (pelarasan) daripada Jabatan Kerja Raya Jasin. Baki akhir tahun 2014 bagi Kumpulan Wang ini meningkat sejumlah RM4.20 juta atau 10.81% menjadi RM38.84 juta pada tahun 2014 berbanding RM34.64 juta pada tahun 2013. Peningkatan baki ini adalah disebabkan hanya RM77.73 juta atau 94.8% yang dibelanjakan berbanding peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM81.92 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan bagi tahun 2014 berbanding 2013 adalah seperti di **Jadual 4.26**. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan bagi tempoh 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.27**.

Jadual 4.26
Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan
Tahun 2014 Berbanding Tahun 2013

Perkara	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	40.22	34.64	-5.58	-16.11
Terimaan	179.42	81.93	-97.49	-118.99
Bayaran	185.00	77.73	-107.27	-138.00
Baki Pada 31 Disember	34.64	38.84	4.20	10.81

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.27
Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri
Tahun 2010 Hingga 2014

Tahun	Baki Pada 1 Januari (RM Juta)	Terimaan (RM Juta)	Bayaran (RM Juta)	Baki Pada 31 Disember (RM Juta)	Penggunaan (%)
2010	0.001	98.58	81.49	17.10	82.66
2011	17.10	78.12	61.76	33.45	79.06
2012	33.45	130.40	123.63	40.22	94.81
2013	40.22	179.42	185.00	34.64	103.11
2014	34.64	81.93	77.73	38.84	94.87

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

f. Kumpulan Wang Amanah Pelancongan Negeri Melaka

- i. Kumpulan Wang Amanah Pelancongan Negeri Melaka telah ditubuhkan bagi menganjurkan program promosi pelancongan dan lain-lain aktiviti yang berkaitan dengan pelancongan. Terimaan kumpulan wang amanah ini terdiri daripada sumbangan daripada Kerajaan Negeri, Agensi Negeri dan Syarikat. Sehingga 31 Disember 2014, tunggakan sumbangan Kerajaan Negeri dan Agensi masih berbaki sejumlah RM1.22 juta.

- ii. Pada akhir tahun 2014, kumpulan wang amanah ini berbaki RM0.17 juta. Bagaimanapun sehingga April 2015, sebanyak 414 bil/invois pembekal, utiliti dan lain-lain tuntutan kakitangan untuk tahun 2009 hingga tahun 2014 berjumlah RM1.68 juta masih belum dijelaskan. Perkara ini berlaku kerana Bahagian Promosi Pelancongan tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk melaksanakan program-programnya tetapi dalam masa yang sama aktiviti promosi pelancongan perlu dilaksanakan. Kedudukan Tunggakan Bil/Invois Kumpulan Wang Amanah Pelancongan Negeri Melaka seperti di **Jadual 4.28**.

Jadual 4.28
Tunggakan Bil/Invois Kumpulan Wang Amanah Pelancongan
Negeri Melaka Tahun 2009 Hingga 2014

Tahun	Jumlah Bil/Invois Pembekal	Jumlah Tunggakan (RM Juta)
2009	1	0.02
2010	13	0.07
2011	35	0.09
2012	46	0.17
2013	133	0.40
2014	186	0.93
Jumlah	414	1.68

Sumber: Bahagian Promosi Pelancongan

g. Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Melaka

- i. Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Melaka (KWATAM) ditubuhkan di bawah Enakmen Tabung Amanah Melaka 1994 dan Pindaan 2003. Tujuan utama penubuhan kumpulan wang ini adalah bagi membuat dan memantau pelaburan Kerajaan Negeri Melaka. Pelaburan yang dibuat adalah merupakan saham tersiar harga, saham tidak tersiar harga, simpanan tetap dan hartanah. Pada awal penubuhannya, kumpulan wang ini menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri, Agensi Negeri dan syarikat. Pada tahun 2014, KWATAM hanya menerima sumbangan daripada Syarikat Air Melaka Berhad berjumlah RM0.60 juta manakala sebahagian besar terimaan adalah hasil daripada aktiviti pelaburan yang dibuat. KWATAM telah mengagihkan keuntungan daripada aktiviti pelaburan yang dibuat kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM8.92 juta.
- ii. Pada akhir tahun 2014, kumpulan wang ini berbaki RM101.27 juta meningkat sejumlah RM47.58 juta atau 88.6% berbanding RM53.69 juta pada tahun 2013. Peningkatan ini adalah disebabkan penjualan hartanah Kompleks Terminal Bas Melaka Sentral kepada Melaka Sentral Sdn. Bhd berjumlah RM55.00 juta. KWATAM hanya menerima tunai berjumlah RM50.10 juta daripada penjualan ini dan baki harga jualan sejumlah RM4.90 juta dibayar secara *Redeemable Preference Shares* dengan harga RM1 seunit serta kadar faedah 6% setahun dan tempoh matang satu tahun. Bagaimanapun tiada kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri mengenai perkara ini.

4.6.1.3. Perbelanjaan Di Bawah Arahan Perbendaharaan 59

Mengikut Arahan Perbendaharaan 59 (AP59), pembayaran sesuatu bil yang dikemukakan dengan sempurna bagi barangan atau perkhidmatan kepada Kerajaan tidak boleh ditahan oleh sebab keraguan sama ada perbelanjaan telah dilakukan dengan sewajarnya oleh seorang penjawat awam atau sebaliknya. Kelulusan Pegawai Kewangan Negeri hendaklah diperolehi dan pembayaran ditanggungkan kepada akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) sementara menunggu hasil siasatan. Transaksi perbelanjaan di bawah AP59 ini direkodkan dalam dua akaun iaitu Pendahuluan Diri Pegawai Awam (Perbelanjaan Di Bawah AP59) dan Pendahuluan Diri Pegawai Awam (Pelbagai).

- a. Pada 15 Ogos 2014, Pegawai Kewangan Negeri telah meluluskan satu permohonan pendahuluan diri untuk perbelanjaan di bawah AP59 kepada Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka (JKPNM) berjumlah RM58,398. Perbelanjaan ini merupakan perolehan bekalan toner jabatan yang tidak mengikut prosedur kewangan yang sepatutnya. Jawatankuasa Siasatan telah dilantik pada 14 Mei 2014 dan laporan mengenainya telah di kemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri pada 21 Januari 2015. Pada 5 Februari 2015 Pegawai Kewangan Negeri telah memutuskan seorang pegawai yang bertanggungjawab membayar keseluruhan jumlah pendahuluan diri sejumlah RM58,398 dan diberi amaran. Sekiranya pegawai gagal melaksanakan tindakan pembayaran tersebut, tindakan tatatertib akan dikenakan. Sehingga 15 Mei 2015 pendahuluan ini masih belum diselaraskan.
- b. Pada akhir tahun 2014, baki akaun ini berjumlah RM245,389 yang melibatkan 2 kes pembayaran di Perbadanan Stadium Melaka iaitu pada tahun 2012 berjumlah RM37,389 dan tahun 2013 berjumlah RM248,000. Kes tahun 2012 telah mendapat kelulusan pelarasan daripada Jawatankuasa Lembaga Tatatertib Perbadanan Stadium Melaka pada 7 November 2013. Laporan Keputusan Kelulusan Pelarasan ini telah diserahkan kepada Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka pada 29 November 2013. Bagaimanapun, Jabatan Kewangan tidak menerima keputusan pelarasan melalui sumbangan sejumlah RM37,389 yang disyorkan oleh Jawatankuasa Lembaga Tatatertib Perbadanan Stadium Melaka melalui surat bertarikh 30 Disember 2014. Jabatan Kewangan telah meminta Perbadanan Stadium Melaka menjelaskan pendahuluan berkenaan. Sehingga 15 Mei 2015, Perbadanan Stadium Melaka masih belum mengambil tindakan menjelaskan pendahuluan tersebut. Bagi kes tahun 2013, laporan siasatan telah dibawa ke Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan Stadium Melaka pada 16 Disember 2014. Walau bagaimanapun kelulusan pelarasan daripada Jawatankuasa Lembaga Tatatertib Perbadanan Stadium Melaka masih belum diperolehi. Pada tahun 2014, Jabatan Kewangan telah meminta Perbadanan Stadium Melaka menjelaskan pendahuluan berkenaan. Perbadanan Stadium Melaka telah membuat bayaran sejumlah RM40,000 pada 5 Februari 2014 dan baki sejumlah RM208,000 masih belum dijelaskan sehingga 15 Mei 2015.

4.6.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

4.6.2.1. Kumpulan Wang Amanah Awam diwujudkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan, 1957. 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) WP 10.4/2013 mengenai Tatacara Pengurusan Akaun Amanah Yang Ditubuhkan Di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 juga adalah berkaitan. Akaun ini bertujuan untuk mengakaunkan sumbangan wang daripada mana-mana badan atau orang perseorangan yang diamanahkan kepada Kerajaan dan amanah khas yang diperuntukkan di bawah satu akta khas. Pengurusan akaun juga tertakluk kepada Arahan Amanah atau Surat Ikatan Amanah. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada 13 Akaun Amanah. Baki Kumpulan Wang Amanah ini meningkat sejumlah RM0.21 juta atau 0.6% iaitu RM33.82 juta pada akhir tahun 2014 berbanding RM33.61 juta pada tahun 2013. Tabung Amanah Kebajikan Nelayan Daerah Melaka Tengah mencatatkan peningkatan tertinggi berjumlah RM5.88 juta iaitu menjadi RM16.31 juta pada tahun 2014 berbanding RM10.44 juta pada tahun 2013.

4.7. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

4.7.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri dan bagaimana lebihan atau kekurangan hasil tersebut dibiayai. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam pinjaman dan bantuan dalam negeri, terimaan balik pinjaman dan pelbagai terimaan serta perubahan tunai pelaburan dan amanah.

4.7.2. Kutipan hasil tahun 2014 berjumlah RM256.32 juta hanya dapat membiayai 82.9% daripada perbelanjaan mengurus yang berjumlah RM309.13 juta dan langsung tidak dapat membiayai perbelanjaan pembangunan yang berjumlah RM58 juta. Ini menyebabkan keseluruhan kekurangan hasil dari perbelanjaan pada tahun 2014 berjumlah RM110.81 juta berbanding RM88.19 juta pada tahun 2013 iaitu meningkat sejumlah RM22.62 juta. Tiada Caruman Daripada Akaun Hasil Disatukan yang dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2014. Dengan itu baki 17.1% perbelanjaan mengurus dan keseluruhan perbelanjaan pembangunan telah dibiayai dari wang tunai, pelaburan dan akaun amanah berjumlah RM92.66 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.29**.

Jadual 4.29
Kedudukan Prestasi Kewangan Tahun 2014 Berbanding 2013

Butiran	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan	
			(RM Juta)	(%)
Hasil	302.90	256.32	-46.58	-15.4
(-) Perbelanjaan Mengurus	302.13	309.13	7.00	2.3
(-) Perbelanjaan Pembangunan	88.96	58.00	30.96	-34.8
Defisit	-88.19	-110.81	-22.62	25.6
Kurangan Dibiayai Oleh:				
Pinjaman Dalam Negeri	7.00	0	-7.00	-100.0
Terimaan Balik Pinjaman Dan Pelbagai Terimaan	20.11	18.15	-1.96	-9.7
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	61.08	92.66	31.58	51.7
Jumlah Pembiayaan	88.19	110.81	22.62	25.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8. AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti, Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan pinjaman boleh tuntutan, pelaburan dan lain-lain pelaburan Kerajaan Negeri, manakala Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan kedudukan hutang awam dalam dan luar negeri.

4.8.1. Pinjaman Boleh Tuntut

4.8.1.1. Penyata Pinjaman Boleh Tuntut menunjukkan baki pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Syarikat bagi melaksanakan sesuatu projek atau program dan pinjaman kepada Orang Perseorangan sebagai kemudahan pinjaman kenderaan, pinjaman komputer serta pinjaman perumahan ADUN. Sumber dana bagi pinjaman ini adalah daripada Kerajaan Negeri dan pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2014, baki Pinjaman Boleh Tuntut menurun sedikit iaitu sejumlah RM14.13 juta atau 2.8% daripada RM497.98 juta pada tahun 2013 kepada RM483.85 juta pada tahun 2014. Kedudukan Pinjaman Boleh Tuntut pada tahun 2014 berbanding 2013 adalah seperti di **Jadual 4.30**.

Jadual 4.30
Kedudukan Pinjaman Boleh Tuntut Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Agensi	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1	Pihak Berkuasa Tempatan	0.20	0.10	-0.10	-50.0
2	Badan Berkanun Negeri	238.41	225.80	-12.61	-5.3
3	Syarikat	256.39	254.76	-1.63	-0.6
4	Anggota Pentadbiran/ Pegawai Awam	2.98	3.19	0.21	7.0
	Jumlah	497.98	483.85	-14.13	-2.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.1.2. Punca penurunan pinjaman bagi tahun 2014 adalah kerana Kerajaan Negeri telah menerima bayaran balik dari agensi/syarikat. Sehingga akhir tahun 2014 Kerajaan

Negeri telah menerima bayaran balik pinjaman (pokok) berjumlah RM17.15 juta. Kedudukan pergerakan pinjaman dan bayaran balik pada tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 4.31**.

Jadual 4.31
Pergerakan Pinjaman Tahun 2014

Bil.	Agensi	Baki Pinjaman 1.1.2014 (RM Juta)	Pinjaman Baru (RM Juta)	Bayaran Balik [Pokok] (RM Juta)	Baki Pinjaman 31.12.2014 (RM Juta)
Pihak Berkuasa Tempatan					
1	Majlis Perbandaran Jasin	0.20	0	0.10	0.10
Badan Berkanun Negeri					
2	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	199.96	0	11.12	188.84
3	Perbadanan Ketua Menteri	17.38	0	1.13	16.25
4	Majlis Agama Islam Melaka	10.51	0	0.98	9.53
5	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	4.27	0	0.67	3.60
6	Perbadanan Stadium Melaka	2.73	1.31	0	4.04
7	Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka	2.17	0	0.02	2.15
8	Perbadanan Bioteknologi Melaka	1.40	0	0	1.40
Syarikat					
9	Syarikat Air Melaka Berhad	145.19	0	0	145.19
10	Kolej Teknologi Islam Melaka	49.45	1.50	2.48	48.47
11	Kumpulan Melaka Berhad	39.78	0	0	39.78
12	Yayasan Dunia Melayu Dunia Islam	20.80	0	0	20.80
13	Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.	1.15	0	0.64	0.51
14	Institut Kajian Sejarah Dan Patriotisme Melaka	0.01	0	0.01	0
Jumlah		495.00	2.81	17.15	480.66

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.1.3. Baki Pinjaman Boleh Tuntut Bagi Tahun 2010 Hingga 2014

Kedudukan baki Pinjaman Boleh Tuntut menunjukkan peningkatan dari tahun 2010 sehingga 2014. Baki Pinjaman Boleh Tuntut pada tahun 2013 adalah yang tertinggi bagi tempoh 5 tahun. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Tuntut bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.32** dan **Carta 4.8**.

Jadual 4.32
Kedudukan Pinjaman Boleh Tuntut Tahun 2010 Sehingga 2014

Bil.	Agensi	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Pihak Berkuasa Tempatan	1.17	0.56	0.38	0.20	0.10
2	Badan Berkanun Negeri	272.61	259.81	259.60	238.41	225.80
3	Syarikat	155.10	187.63	228.03	256.39	254.76
4	Anggota Pentadbiran/ Pegawai Awam	1.56	1.78	2.54	2.98	3.19
Jumlah		430.44	449.78	490.55	497.98	483.85

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.8
Kedudukan Pinjaman Boleh Tuntut Tahun 2010 Sehingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.1.4. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman

Pada tahun 2014, ansuran bayaran balik pinjaman yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM70.10 juta terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa berjumlah RM34.92 juta dan tunggakan tahun terdahulu berjumlah RM35.18 juta. Bagaimanapun pada tahun 2014, Kerajaan Negeri hanya menerima RM22.85 juta bayaran balik yang terdiri daripada bayaran pokok berjumlah RM17.14 juta dan faedah berjumlah RM5.71 juta. Dengan itu, baki tunggakan bayaran balik pinjaman boleh tuntutan meningkat sejumlah RM12.08 juta atau 34.34% kepada RM47.26 juta pada tahun 2014 berbanding RM35.18 juta pada tahun 2013. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 4.33**.

Jadual 4.33
Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Tuntut 31 Disember 2014


Bil.	Agensi	Tunggakan Ansuran 1.1.2014 (RM Juta)	Anuiti 2014 (RM Juta)	Jumlah Patut Dijelaskan Sehingga 2014 (RM Juta)	Bayaran Balik 2014 (RM Juta)	Tunggakan Ansuran 31.12.2014 (RM Juta)
Pihak Berkuasa Tempatan						
1	Majlis Perbandaran Jasin	0.10	0.10	0.20	0.10	0.10
Badan Berkanun Negeri						
2	Perbadanan Bioteknologi Melaka	1.45	0.06	1.50	0.00	1.50
3	Perbadanan Ketua Menteri	1.32	3.13	4.45	1.67	2.78
4	Perbadanan Stadium Melaka	0.83	0.20	1.03	0.01	1.02
5	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	0.50	14.01	14.51	14.51	0.00
6	Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka	0.20	0.44	0.64	0.10	0.54
7	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	0.00	0.84	0.84	0.69	0.14
8	Majlis Agama Islam Melaka	0.00	1.33	1.33	1.33	0.00
Syarikat						
9	Kumpulan Melaka Berhad	21.42	6.11	27.53	0.88	26.66
10	Syarikat Air Melaka Berhad	8.13	4.76	12.89	0.00	12.89
11	Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.	0.79	0.36	1.16	0.65	0.51
12	Kolej Teknologi Islam Melaka	0.43	3.58	4.01	2.90	1.12
13	Institut Kajian Sejarah Dan Patriotisme Melaka	0.01	0.00	0.01	0.01	0.00
Jumlah		35.18	34.92	70.10	22.85	47.26

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.1.5. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Bagi Tahun 2010 Hingga 2014

Baki tunggakan bayaran balik pinjaman menunjukkan peningkatan yang berterusan dari tahun 2010 sehingga 2014. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman bagi tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Carta 4.9**. Tunggakan pada tahun 2014 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Carta 4.9
Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Tahun 2010 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.1.6. Pinjaman Telah Tamat Tempoh Bayaran Balik

Pada akhir tahun 2014, terdapat 5 pinjaman yang masih menunjukkan baki tertunggak berjumlah RM2.89 juta walaupun sepatutnya telah dilunaskan pada tahun 2012, 2013 dan 2014. Pada tahun 2014, bayaran balik yang telah diterima daripada Kumpulan Melaka Berhad, Perbadanan Stadium Melaka dan Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd. adalah berjumlah RM1.54 juta. Kedudukan 5 pinjaman yang belum selesai sehingga akhir tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 4.34**.

Jadual 4.34
Kedudukan Pinjaman Belum Selesai Sehingga Akhir Tahun 2014

Pinjaman	Tempoh Bayaran Balik Pinjaman		Jumlah Pinjaman (RM Juta)	Tunggakan Pada 31.12.2014 (RM Juta)
	Dari	Hingga		
Kumpulan Melaka Berhad				
Pinjaman bagi membeli bas untuk kegunaan aktiviti pelancongan yang dijalankan oleh Syarikat PM Culture & Tourism Sdn. Bhd.	17.4.2008	17.4.2012	0.70	0.16
Perbadanan Bioteknologi Melaka				
a) Pinjaman Kepada Biotek bagi membayar balik hutang Yayasan Melaka	28.2.2008	28.8.2012	0.91	1.01
b) Pinjaman untuk Projek Komersial berasaskan Bioteknologi tahun 2007	28.8.2008	28.2.2014	0.60	0.49
Perbadanan Stadium Melaka				
Pinjaman bagi membayar bil elektrik Perbadanan Stadium Melaka	5.9.2009	5.9.2013	0.80	0.72
Melaka ICT Holdings Sdn Bhd				
Pinjaman untuk menjelaskan bayaran bil tertunggak kepada Syarikat IBM	15.9.2009	1.12.2014	1.64	0.51
Jumlah			4.65	2.89

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.2. Pelaburan


4.8.2.1. Pelaburan yang ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum adalah pelaburan modal yang telah dikenakan kepada perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan dan kumpulan wang amanah. Pelaburan Kerajaan Negeri terdiri daripada pelaburan dalam saham tidak tersiar harga melalui Kumpulan Wang Amanah Perbadanan Ketua Menteri dan pelaburan hartanah oleh Kumpulan Wang Tabung Amanah Melaka berjumlah RM136.49 juta iaitu menurun sejumlah RM44.69 juta atau 24.7% pada tahun 2014 berbanding RM181.18 juta pada tahun 2013. Penurunan ini adalah disebabkan penjualan hartanah Kompleks Terminal Bas Melaka Sentral kepada Melaka Sentral Sdn. Bhd. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.35** dan kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun iaitu dari 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Carta 4.10**. Baki pelaburan pada tahun 2014 adalah yang terendah dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.35
Kedudukan Pelaburan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Jenis Pelaburan	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1	Saham Tidak Tersiar Harga	68.14	67.44	-0.70	-1.0
2	Hartanah	113.04	69.05	-43.99	-38.9
Jumlah		181.18	136.49	-44.69	-24.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.10
Kedudukan Pelaburan Kerajaan Negeri Tahun 2010 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.2.2. Pelaburan Saham Tidak Tersiar Harga

Pada tahun 2014 nilai pelaburan saham tidak tersiar harga Kerajaan Negeri dalam 18 buah syarikat berjumlah RM68.14 juta. Tiga daripada 18 syarikat mengisytihar dividen pada tahun 2013 iaitu DMDI Finance House Sdn. Bhd., Pemasaran Melaka Sdn. Bhd. dan MITC Bowlplex Sdn. Bhd. Manakala 12 syarikat yang memperolehi keuntungan tidak mengisytiharkan dividen, 2 syarikat mengalami kerugian dan 3 syarikat berstatus dorman. Bagaimanapun terdapat 3 syarikat iaitu Syarikat Air Melaka Berhad telah memberi pulangan dalam bentuk sumbangan kepada 5 Kumpulan Wang Amanah yang berjumlah RM1.29 juta pada tahun 2014. Kumpulan Melaka Berhad telah menyumbang kepada 5 Kumpulan Wang Amanah yang berjumlah RM0.30 juta manakala Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn. Bhd. telah menyumbang kepada Kumpulan Wang Amanah Tabung Pendidikan Negeri Melaka berjumlah RM0.05 juta pada tahun 2014. Pelaburan saham tidak tersiar harga Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.36** dan **Carta 4.11**.

Jadual 4.36
Kedudukan Pelaburan Saham Tidak Tersiar Harga Kerajaan Negeri Tahun 2010 Hingga 2014

Bil.	Pelaburan	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Tabung Amanah Melaka						
1	Melaka Invest Berhad	0	0	1.00	1.00	1.00
2	Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.	0	0	0.60	0.60	0.60
3	Teknologi Pembuatan Melaka Sdn. Bhd.	0	0	0.10	0.10	0.10
4	Akademi Kemahiran Melaka Sdn. Bhd.	0	0	0.10	0.10	0.10
5	Syarikat Pengurusan Rumah Negeri Melaka Sdn. Bhd.	0	0	0.50	0.50	0.50
Perbadanan Ketua Menteri						
6	Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn. Bhd.	0	0	18.68	18.68	18.68
7	Melaka Sentral Sdn. Bhd.	0	0	0.70	0.70	0
8	Pemasaran Melaka Sdn. Bhd.	0	0	0.15	0.15	0.15
9	KMA Digital Mall Sdn. Bhd.	0	0	0.31	0.31	0.31
10	Melaka Golf Resort	0.80	0.80	0.80	0.80	0.80
11	Kumpulan Melaka Berhad	16.00	16.00	16.00	16.00	16.00
12	Hartanah Bumiputera Melaka Sdn. Bhd.	2.10	2.10	2.10	2.10	2.10
13	MITC Bowlplex Sdn. Bhd.	2.45	2.45	2.45	2.45	2.45
14	Syarikat Air Melaka Berhad	5.00	5.00	14.00	14.00	14.00
15	DMDI Finance House Sdn. Bhd.	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00
16	Planetarium Melaka Sdn. Bhd.	0.20	0.30	0.45	0.45	0.45
17	Melaka Hari Ini Sdn. Bhd.	0.10	0.10	0.10	0.10	0.10
18	Marble Valley Two Sdn. Bhd.	0	0.05	0.05	0.05	0.05
19	Melaka World Heritage Sdn. Bhd.	0	0.05	0.05	0.05	0.05
Jumlah		36.65	36.85	68.14	68.14	67.44

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.11
Pelaburan Saham Tidak Tersiar Harga Kerajaan Negeri Tahun 2010 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.2.3. Pelaburan Hartanah

- a. Pada tahun 2014, pelaburan hartanah Kerajaan Negeri berjumlah RM69.04 juta berbanding RM113.04 juta pada tahun 2013. Pelaburan ini terdiri daripada 2 tanah lot dan 3 bangunan yang dibiayai dari Kumpulan Wang Tabung Amanah Melaka. Sejumlah RM6.03 juta pulangan hasil daripada pelaburan hartanah telah diperolehi pada tahun 2014. Pulangan yang diterima adalah merupakan sewa bangunan dan pajakan tanah yang diakaunkan ke Kumpulan Wang Tabung Amanah Melaka. Maklumat terperinci pelaburan hartanah dan pulangan pelaburan pada tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 4.37**.

Jadual 4.37
Pelaburan Hartanah Dan Pulangan Pelaburan Tahun 2014

Bil.	Jenis Hartanah	Nilai Pelaburan (RM Juta)	Pulangan Pelaburan	
			(RM Juta)	(%)
1	Kompleks Terminal Bas Melaka Sentral *	0	1.75	4.0
2	Tanah Lot 125, 129 dan 130	2.18	0.31	14.2
3	Tanah Lot 278 dan 279	1.74	0.20	11.5
4	Bangunan Putra Specialist Hospital Melaka	39.65	3.38	8.5
5	Bangunan Putra Specialist Hospital Batu Pahat	8.47	0.15	1.8
6	Menara PERTAM	17.00	0.24	1.4
Jumlah		69.04	6.03	8.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Nota: *- Nilai pelaburan Kompleks Terminal Bas Melaka Sentral berjumlah RM43.99 juta dan telah dijual pada bulan September 2014 dan pulangan pelaburan sehingga Ogos 2014 sahaja.


- b. Analisis pulangan ke atas pelaburan hartanah bagi tempoh 5 tahun iaitu pada 2010 hingga 2014 menunjukkan kadar pulangan antara RM4.51 juta hingga RM7.28 juta atau 4.0% hingga 8.7% seperti di **Jadual 4.38** dan **Carta 4.12**.

Jadual 4.38
Pelaburan Hartanah Berbanding Pulangan Yang Diterima
Tahun 2010 Hingga 2014

Tahun	Pelaburan Hartanah (RM Juta)	Pulangan Pelaburan	
		(RM Juta)	(%)
2010	113.04	4.51	4.0
2011	113.04	7.28	6.4
2012	113.04	6.39	5.7
2013	113.04	7.03	6.2
2014	69.04	6.03	8.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.12
Pelaburan Hartanah Berbanding Pulangan Pelaburan Tahun 2010 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.3. Hutang Awam


4.8.3.1. Pada akhir tahun 2014, baki hutang awam menurun sejumlah RM15.02 juta kepada RM861.71 juta berbanding RM876.73 juta pada tahun 2013. Punca penurunan hutang awam adalah disebabkan Kerajaan Negeri Melaka telah membuat bayaran balik hutang awam berjumlah RM15.02 juta. Kedudukan hutang awam pada tahun 2014 berbanding 2013 adalah seperti di **Jadual 4.39**. Kedudukan baki hutang awam bagi tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Carta 4.13**.

Jadual 4.39
Hutang Awam Tahun 2014 Berbanding 2013

Pinjaman	2013	2014	Perubahan	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Projek Bekalan Air	145.19	145.19	0	0
Projek Perumahan Awam Kos Rendah	92.72	92.72	0	0
Projek Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	240.70	225.84	-14.86	-6.2
Pelbagai Projek	398.12	397.96	-0.16	-0.04
Jumlah	876.73	861.71	-15.02	-1.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.13
Kedudukan Hutang Awam Tahun 2010 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.3.2. Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam

Trend baki tunggakan bayaran balik hutang awam bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014 menunjukkan peningkatan setiap tahun dengan jumlah tertinggi pada tahun 2014. Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik hutang awam sejumlah RM19.77 juta daripada RM59.30 juta yang sepatutnya dibayar kepada Kerajaan Persekutuan. Ini menyebabkan tunggakan terkumpul bayaran balik hutang awam pada akhir tahun 2014 meningkat sejumlah RM39.53 juta atau 17.5% kepada RM265.08 juta berbanding RM225.55 juta pada tahun 2013. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 4.40** dan kedudukan tunggakan bayaran balik hutang awam bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 4.41**.

Jadual 4.40
Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam Pada 31 Disember 2014

Bil.	Tujuan Pinjaman	Tunggakan Ansuran 1.1.2014 (RM Juta)	Anuiti 2014 (RM Juta)	Jumlah Patut Dijelaskan Sehingga 2014 (RM Juta)	Bayaran Balik 2014 (RM Juta)	Tunggakan Ansuran 31.12.2014 (RM Juta)
1	Projek Bekalan Air	8.13	4.76	12.89	0	12.89
2	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	39.17	6.74	45.91	0	45.91
3	Projek Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	50.15	14.11	64.26	19.61	44.65
4	Pelbagai Projek	128.10	33.69	161.79	0.16	161.63
Jumlah		225.55	59.30	284.85	19.77	265.08

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.41
Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam Bagi Tahun 2010 Hingga 2014

Bil.	Tujuan Pinjaman	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Projek Bekalan Air	0	0	4.07	8.13	12.89
2	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	20.23	26.89	33.35	39.17	45.91
3	Projek Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	15.12	29.64	42.70	50.15	44.65
4	Pelbagai Projek	52.85	69.95	94.41	128.10	161.63
Jumlah		88.20	126.48	174.53	225.55	265.08

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima dan angka perbandingan.

4.9.1. Akaun Belum Terima


4.9.1.1. Pada tahun 2014, Akaun Belum Terima Kerajaan Negeri berjumlah RM65.88 juta iaitu meningkat sejumlah RM14.44 juta berbanding RM51.44 juta pada tahun 2013. Akaun Belum Terima terdiri daripada tunggakan cukai tanah, denda lewat hasil tanah, sewaan dan lain-lain hasil. Kedudukan Akaun Belum Terima pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.42**. Kedudukan Akaun Belum Terima bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Carta 4.14**.

Jadual 4.42
Kedudukan Akaun Belum Terima Kerajaan Negeri Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Jenis Hasil	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1	Cukai Tanah	23.54	21.49	-2.05	-8.7
2	Denda Lewat Hasil Tanah	21.11	20.01	-1.10	-5.2
3	Sewaan	6.43	5.14	-1.29	-20.1
4	Lain-Lain Hasil	0.36	19.24	18.88	5,244.4
		51.44	65.88	14.44	28.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.14
Kedudukan Akaun Belum Terima Kerajaan Negeri Tahun 2010 Hingga 2014



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9.1.2. Analisis Audit mendapati Akaun Belum Terima bagi hasil cukai tanah dan denda lewat hasil tanah menyumbang sejumlah RM41.49 juta iaitu 63.0% daripada keseluruhan Akaun Belum Terima. Tunggakan hasil cukai tanah dan denda lewat hasil tanah yang tertinggi adalah di Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah berjumlah RM28.21 juta diikuti dengan Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah berjumlah RM7.80 juta dan Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin berjumlah RM5.48 juta. Pada tahun 2014, Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah mencatatkan penurunan tertinggi berjumlah RM2.51 juta diikuti Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin dan Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah masing-masing berjumlah RM0.60 juta dan RM52,889. Tunggakan cukai tanah dan denda lewat hasil tanah mengikut Pejabat Daerah Dan Tanah pada akhir tahun 2014 berbanding 2013 adalah seperti di **Jadual 4.43**.

Jadual 4.43
Tunggakan Cukai Tanah Dan Denda Lewat Hasil Tanah Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Pejabat Daerah Dan Tanah	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Penurunan	
				(RM Juta)	(%)
1	Melaka Tengah	30.72	28.21	2.51	8.2
2	Alor Gajah	7.85	7.80	0.05	0.6
3	Jasin	6.08	5.48	0.60	9.9
Jumlah		44.65	41.49	3.16	7.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9.1.3. Akta Duti Hiburan 1953 adalah suatu Akta yang membenarkan Kerajaan Negeri Melaka untuk mengenakan duti berkenaan dengan kemasukan ke tempat hiburan. Walau bagaimanapun merujuk kepada P.U. (A) 509, berkuatkuasa pada 22 Disember 2005 bayaran masuk ke taman tema yang berhubungan dengan hiburan dikecualikan daripada duti hiburan. Pada 2 Januari 2014 perintah pengecualian duti hiburan terhadap taman tema telah dibatalkan melalui P.U. (A) 388 dan Kerajaan Negeri telah memutuskan mulai 1 Mac 2014 bayaran masuk ke taman tema dikenakan duti hiburan. Pihak Audit mendapati A'Famosa Water Theme Park Sdn. Bhd. gagal mengemukakan laporan kutipan hasil kepada Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri bagi penilaian jumlah duti hiburan yang patut dikenakan. Semakan terhadap rekod data bancian bilangan pengunjung ke taman tema yang dibuat oleh Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri dari bulan Mac hingga September 2014 mendapati jumlah tunggakan duti hiburan yang perlu dibayar oleh syarikat tersebut adalah berjumlah RM2.20 juta. Notis tuntutan telah dikeluarkan pada 5 November 2014 kepada syarikat tersebut dan rayuan pengurangan ada dibuat oleh syarikat tersebut pada 24 November 2014. Bagaimanapun surat jawapan dari Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri bertarikh 8 Disember 2014 memaklumkan akan mengkaji semula dasar sedia ada. Sehingga 31 Disember 2014, Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri masih belum menerima sebarang bayaran duti hiburan daripada A'Famosa Water Theme Park Sdn. Bhd.

4.10. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

4.10.1. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada akhir tahun 2014 adalah memuaskan. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2014 berjumlah RM99.67 juta iaitu meningkat sejumlah RM41.54 juta atau 71.5% berbanding tahun 2013. Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri mengalami defisit sejumlah RM52.81 juta. Hasil yang diperolehi pada tahun 2014 hanya berjumlah RM256.32 juta menurun sejumlah RM46.58 juta daripada tahun 2013. Perbelanjaan mengurus pula meningkat sejumlah RM7.03 juta menjadi RM309.13 juta. Bagaimanapun, pembayaran di bawah AP58(a) telah menurun sejumlah RM0.35 juta menjadi RM0.44 juta. Akaun Belum Terima telah meningkat sejumlah RM14.44 juta menjadi RM65.88 juta manakala hutang awam Kerajaan Negeri telah menurun sejumlah RM15.02 juta menjadi RM861.71 juta. Jumlah tunggakan bayaran balik hutang awam pula meningkat sejumlah RM39.53 juta menjadi RM265.08 juta sungguhpun Kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik hutang awam kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM19.77 juta.

4.10.2. Kerajaan Negeri perlu mempertingkatkan dan memperkukuhkan lagi prestasi kewangannya supaya sumber pendapatan yang diperolehi dapat menampung perbelanjaan mengurus dan tanggungan semasa. Kerajaan Negeri perlu mengawal perbelanjaan secara lebih berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan pesat ekonomi Negeri Melaka. Tindakan yang lebih berkesan perlu diambil untuk memastikan tunggakan pinjaman dibayar oleh Agensi/Syarikat Negeri mengikut jadual yang ditetapkan. Penetapan *Key Performance Indicator* (KPI) dan operasi syarikat Kerajaan Negeri juga perlu dipantau untuk memastikan pelaburan Kerajaan Negeri memberi pulangan yang sewajarnya.



BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

5. PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-10

5.1. Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Negeri Melaka untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2011 hingga 2015. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Melaka iaitu untuk mencapai pembangunan mampan dengan jaminan bahawa rakyatnya dapat menikmati urus tadbir yang baik, kualiti hidup yang tinggi dan tahap keperkasaan yang tinggi. Ia adalah signifikan ke arah menggerakkan Negeri Melaka sebagai status Melaka Maju Negeriku Sayang, Fasa II.

5.2. Bagi menjayakan RMKe-10, siling peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM560.25 juta untuk diagihkan kepada 11 Jabatan Negeri bagi pelaksanaan projek yang dirancang. Tiga daripada 11 Jabatan Negeri yang menerima peruntukan tertinggi adalah Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri berjumlah RM150.00 juta, Jabatan Ketua Menteri berjumlah RM137.82 juta dan Jabatan Kerja Raya berjumlah RM90.00 juta. Pembahagian peruntukan perbelanjaan pembangunan RMKe-10 bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan RMKe-10 Bagi Tempoh 5 Tahun

Bil.	Jabatan	Jumlah (RM Juta)
1	Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan	150.00
2	Jabatan Ketua Menteri	137.82
3	Jabatan Kerja Raya	90.00
4	Jabatan Agama Islam	60.00
5	Jabatan Pengairan Dan Saliran	30.00
6	Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah	21.55
7	Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah	16.60
8	Pejabat Pembangunan Negeri	16.50
9	Jabatan Pertanian	15.00
10	Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin	12.78
11	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	10.00
Jumlah		560.25

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

5.2.1. Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMKe-10

Pada tahun 2014, sejumlah RM61.86 juta telah diperuntukkan dan sejumlah RM58 juta atau 93.76% telah dibelanjakan. Analisis Audit menunjukkan 9 Jabatan telah membelanjakan antara 91.6% hingga 100% dan satu jabatan iaitu Jabatan Kerja Raya telah membelanjakan 86.8% daripada peruntukan RMKe-10 bagi tahun 2014. Butirannya adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan RMKe-10 Tahun 2014

Bil.	Jabatan	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Pencapaian (%)
1	Jabatan Pengairan Dan Saliran	6.70	6.70	100.0
2	Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah	3.62	3.62	100.0
3	Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah	2.66	2.66	100.0
4	Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin	2.42	2.42	100.0
5	Jabatan Pertanian	1.20	1.20	100.0
6	Pejabat Pembangunan Negeri	2.50	2.50	100.0
7	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	1.20	1.20	100.0
8	Jabatan Ketua Menteri	10.74	10.70	99.6
9	Jabatan Agama Islam	6.70	6.14	91.6
10	Jabatan Kerja Raya	24.12	20.94	86.8
11	Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan	0.00	0.00	0.00
Jumlah		61.86	58.08	93.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

5.2.2. Pencapaian Pelaksanaan Projek Untuk Tahun 2014


Pada tahun 2014, sebanyak 163 projek telah dirancang untuk dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut, 147 projek atau 90.2% telah siap sepenuhnya, manakala 8 projek atau 4.9% sedang dilaksanakan. Antara projek yang masih dalam pelaksanaan adalah Projek Menggantikan Jambatan Baru (Sungai Tebong, Alor Gajah), Projek Membina dan Menaiktaraf Muzium Negeri Melaka, Projek Di Jambatan Kampung Tasek, Sungai Rambai, Melaka dan Projek Membina Sekolah Rendah Agama JAIM Paya Rumput. Prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 5.3** dan **Carta 5.1**.

Jadual 5.3
Status Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe-10 Tahun 2014

Bil.	Jabatan	Bilangan Projek Dirancang	Projek Siap	Projek Dalam Pelaksanaan	Projek Belum Mula
1	Jabatan Kerja Raya	80	76	4	0
2	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	17	17	0	0
3	Jabatan Ketua Menteri	12	10	2	0
4	Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah	13	13	0	0
5	Jabatan Agama Islam	13	3	2	9
6	Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah	10	10	0	0
7	Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin	7	7	0	0
8	Jabatan Pertanian	6	6	0	0
9	Jabatan Pengairan Dan Saliran	4	4	0	0
10	Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan	0	0	0	0
11	Pejabat Pembangunan Negeri	1	1	0	0
Jumlah		163	147	8	9

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri

Carta 5.1
Prestasi Pelaksanaan Projek RMKe-10 Sehingga 31 Disember 2014



Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri

5.3. RUMUSAN

Prestasi pencapaian perbelanjaan RMKe-10 untuk tahun 2014 adalah sangat baik kerana daripada sejumlah RM61.86 juta yang diperuntukkan bagi 10 Jabatan, sejumlah RM58.00 juta atau 93.8% telah dibelanjakan. Manakala prestasi pelaksanaan projek secara keseluruhannya juga baik kerana daripada 163 bilangan projek yang dirancang 147 projek atau 90.2% telah berjaya disiapkan. Pelaksanaan projek pembangunan adalah seiring dengan prestasi perbelanjaan pembangunan yang telah dibuat dan taraf hidup rakyat Negeri Melaka telah dapat dipertingkatkan.



BAHAGIAN IV

PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

BAHAGIAN IV

PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

6. PENDAHULUAN

6.1. Seksyen 15(A), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, digunakan dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

6.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Di bawah kriteria pengauditan Indeks Akauntabiliti, semakan dibuat untuk menilai sama ada pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

7. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI

Pada tahun 2014, beberapa usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri serta meningkatkan hasil Kerajaan Negeri. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

7.1. Untuk memantapkan pengurusan kewangan kepada setiap Jabatan/Agensi. Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dan Pejabat Bendahari Negeri telah mengeluarkan Pekeliling-pekeliing Kewangan bagi menambah baik pengurusan kewangan dan perakaunan di semua peringkat Jabatan sepanjang tahun 2014. Antara pekeliing-pekeliing yang telah dikeluarkan ialah Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Runding Terus, Garis Panduan Bagi Jamuan Mesyuarat/Perbincangan Jabatan Di Bawah Kerajaan Negeri, Tatacara Penghantaran Dokumen Kira-Kira Wang Tunai, Tatacara Proses Penyata Pemungut, Tatacara Terimaan Bayaran, Kuasa Menandatangani Kontrak Bagi Pihak Kerajaan Negeri dan Peraturan Penutupan Akaun Kerajaan Negeri Melaka.

7.2. Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan melalui pembayaran cukai tanah di semua Pejabat Pos, Bank Simpanan Nasional, Pihak Berkuasa Tempatan, Pusat Transformasi Bandar dan kaunter kutipan luar di setiap daerah.

- 7.3. Memperluaskan perkhidmatan kutipan *online* kepada 6 bank di seluruh negara.
- 7.4. Kempen perkhidmatan kaunter bersepadu di kaunter kutipan di semua Pejabat Daerah Dan Tanah.
- 7.5. Pengeluaran notis 6A dan 8A (Rampasan Tanah)/sesi perbincangan dengan Agensi Kerajaan dan syarikat.
- 7.6. Mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan mengikut peraturan dan undang-undang di bawah Akta Kanun Tanah Negara (tindakan Unit Penguatkuasaan Pejabat-pejabat Daerah Dan Tanah) dan memberi insentif bayaran cukai terawal.
- 7.7. Sistem Penarafan Pusat Tanggungjawab ke atas penggunaan Sistem SPEKS telah diwujudkan pada tahun 2013.
- 7.8. Kerajaan Negeri memberi ganjaran sejumlah RM8,000 kepada setiap Jabatan/Agensi yang mendapat pengiktirafan 4 bintang bagi pengauditan Indeks Akauntabiliti bagi tahun 2013.

8. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

8.1. Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Jabatan/Agensi Negeri supaya lebih gigih memperbaiki, mempertingkat dan memperkasakan pencapaian pengurusan kewangan masing-masing, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti sejak tahun 2007. Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan oleh Jabatan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama diberikan markah. Aspek tersebut ialah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit, serta Pengurusan Aset, Inventori dan Stor. Bagi Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri serta Agensi Negeri selain kesemua 6 kawalan di atas, kawalan terhadap Kawalan Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Penyata Kewangan turut dinilai. Jabatan/Agensi Negeri yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras (*role model*) kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain. Secara umumnya, sesuatu Jabatan/Agensi Negeri diberi tahap pencapaian pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	★ ★ ★ ★
70 – 89	Baik	★ ★ ★
50 – 69	Memuaskan	★ ★
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	★

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

8.2.1. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.

8.2.2. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset dan inventori, pelaburan serta pinjaman.

8.2.3. Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

8.2.4. Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

8.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pada tahun 2014, pengauditan telah dijalankan di 10 Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan pusingan, manakala pengauditan setiap tahun dilaksanakan terhadap Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2014 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2013/2014, bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Agensi Negeri secara menyeluruh.

8.4. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 5 Jabatan adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap pematuhan kepada peraturan kewangan mengikut 6 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit, dan Pengurusan Aset, Inventori Dan

Stor. Bagi 5 Agensi Negeri selain 6 kawalan di atas, kawalan terhadap pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan Penyata Kewangan juga turut dibuat. Penjelasan lanjut mengenai kawalan-kawalan tersebut adalah seperti berikut:

8.4.1. Kawalan Pengurusan

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

8.4.1.1. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini seperti mana yang ditetapkan di Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- c. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubungan kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- d. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

8.4.1.2. Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.

- b. Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan mengandungi kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- c. Pemeriksaan mengejut (seperti yang ditetapkan di bawah AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

8.4.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2004 menetapkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) dengan melantik seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa, Jawatankuasa perlu bermesyuarat setiap 3 bulan, berbincang perkara yang ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, pekeliling tersebut telah digantikan dengan 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PS 5.1/2013 yang berkuat kuasa mulai bulan Julai 2014.

b. Unit Audit Dalam

1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PS 3.1/2013 menyatakan Audit Dalam merupakan satu fungsi bebas, yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi. Bagi Jabatan yang tidak mempunyai Unit Audit Dalam, fungsi audit dalam hendaklah dijalankan oleh Unit Audit Dalam yang ditubuhkan di Kementerian yang mengawal selia Jabatan tersebut. Dalam konteks Kerajaan Negeri, Unit Audit Dalam yang dirujuk dalam Pekeliling ini bermaksud Unit Audit Dalam yang telah diluluskan penubuhannya di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Bidang tugas Unit Audit

Dalam antaranya adalah untuk mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman organisasi, mengkaji tahap pematuhan kepada segala dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa, melaporkan kepada Ketua Eksekutif hasil pengauditan dan memantau tindakan susulan diambil oleh pihak pengurusan terhadap perkara yang dibangkitkan, menyediakan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam untuk kelulusan Ketua Eksekutif dan membentangkan Rancangan Tahunan dan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Audit.

c. Jawatankuasa Keutuhan Dan Tadbir Urus

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009, Jawatankuasa Keutuhan Dan Tadbir Urus hendaklah ditubuhkan di peringkat Kementerian dan Jabatan bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lain, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan, bermesyuarat setiap 3 bulan bagi membincangkan perkara yang telah ditetapkan, menyediakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap dan seterusnya mengemukakannya kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Bagaimanapun, pekeliling tersebut telah diganti dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014, Jawatankuasa Integriti Dan Tadbir Urus (JITU) yang berkuat kuasa pada 3 Jun 2014. JITU perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali setahun dan maklum balas perlu dikemukakan sekurang-kurangnya dua minggu sebelum tarikh Mesyuarat JITU Peringkat Negeri.

8.4.1.4. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

8.4.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/pencapaian bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

8.4.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan/Agensi Negeri dikeluarkan melalui Surat Pekeliling Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka Bil. 1 Tahun 2014 dan Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Perbelanjaan Tahun 2013 dan 2014 Bil. 2 tahun 2012. Selain itu, AP 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan, ketepatan anggaran, prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

8.4.2.2. Pengagihan Peruntukan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2009 antara lain menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

8.4.2.3. Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

8.4.2.4. Pemantauan Kemajuan/Pencapaian Projek

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II atau kaedah lain yang

diterima pakai, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

8.4.2.5. Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

8.4.3. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

8.4.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

8.4.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

8.4.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

8.4.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

8.4.3.5. Akaun Belum Terima

1PP WP 10.6/2013 mengenai Penyelenggaraan dan Pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) menyatakan Agensi Kerajaan dikehendaki menyelenggara dan melaporkan ABT/Penghutang. Tujuannya adalah bagi memastikan pengurusan penghutang yang lebih baik dengan melaporkan baki-baki hutang, mengesan dan memperbaiki prestasi pungutan serta memudahkan tindakan susulan dilaksanakan bagi mengelak tunggakan daripada terbiar dan terus menjadi hutang lapuk.

8.4.4. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

8.4.4.1. Perakaunan

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh 1PP, Pekeliling Jabatan Akauntan Negara dan AP yang berkaitan.

8.4.4.2. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun, Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan pengurusan perolehan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

8.4.4.3. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran, kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas, penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

8.4.5. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit

Bagi menentukan sama ada semua kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama iaitu Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah, Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Pengurusan Akaun Deposit seperti berikut:

8.4.5.1. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah

1PP WP 10.4/2013 mengenai tatacara pengurusan akaun amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan menetapkan Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan 4 salinan Penyata Terimaan Dan Bayaran (PTB) bagi tahun berakhir 31 Disember dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara selewat-lewatnya sebelum atau pada 31 Mac tahun berikutnya. Bagaimanapun, Surat Arahan Operasi Bendahari Negeri Bilangan 7 Tahun 2014 iaitu Peraturan penutupan Akaun Kerajaan Negeri bagi tahun kewangan 2014 menetapkan PTB dihantar kepada Pegawai Pengawal sebelum 31 Januari 2015 dan 4 salinan PTB bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 dikemukakan kepada Ketua Audit Negara selewat-lewatnya sebelum atau pada 16 Februari 2015.

8.4.5.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut peraturan yang telah ditetapkan dalam 1PP seperti berikut:

- a. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 9.2/2013 dan 9.3/2013.
- b. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 9.1/2013.
- c. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 3.2 /2013.
- d. Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 3.3 /2013.

8.4.5.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163.

8.4.6. Pengurusan Aset, Inventori Dan Stor

Bagi menentukan sama ada Pengurusan Aset, Inventori Dan Stor telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 7 aspek utama iaitu Kawalan Umum, Penerimaan, Pendaftaran, Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan Aset, Penyenggaraan Aset, Pelupusan serta Kehilangan dan Hapus kira seperti berikut:

8.4.6.1. Kawalan Umum

1PP KP 1.1/2013 mengenai Pengurusan Aset Kerajaan menetapkan Pegawai Pengawal bertanggung jawab untuk memastikan pengurusan aset dilaksanakan secara cekap, teratur dan berkesan mengikut tatacara yang telah ditetapkan. Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset untuk menguruskan aset dan stor Kerajaan, melantik Pegawai Aset, Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa Pelupusan, Jawatankuasa Penyiasat dan Pemverifikasi Stor serta bertindak sebagai Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

8.4.6.2. Penerimaan

Merujuk 1PP KP 2.2/2013 mengenai Penerimaan Aset Alih Kerajaan, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset alih. Bagi aset teknikal, Pegawai Penerima yang dilantik hendaklah memiliki kepakaran dalam bidang berkaitan. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati speksifikasi, kualiti dan kuantiti sebenar mengikut pesanan dan diterima dalam keadaan yang baik, sempurna dan selamat untuk digunakan.

8.4.6.3. Pendaftaran

1PP KP 2.3/2013 (Pendaftaran) menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda hak milik Kerajaan dan nombor siri pendaftaran. Manakala 1PP KP 6.3/2013 menetapkan supaya semua stok yang diterima direkodkan ke dalam Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan Kad Petak (KEW.PS-4).

8.4.6.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Mengikut 1PP KP 2.4/2013 mengenai Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan Aset menetapkan semua aset Kerajaan hendaklah diguna dan dikendalikan dengan cekap, mahir dan teratur bagi mengurangkan pembaziran, menjimatkan kos, mencapai jangka hayat, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan. Peraturan yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- a. Menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/ penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- b. Pegawai yang bertanggungjawab terhadap aset Kerajaan mempunyai peranan penting bagi memastikan bahawa aset disimpan di tempat selamat dan sentiasa di bawah kawalannya. Aset dan item stor yang sangat menarik atau bernilai tinggi disimpan di tempat yang berasingan/mempunyai kawalan keselamatan yang lebih ketat. Beliau seterusnya bertanggungjawab terhadap apa-apa kekurangan, kerosakan atau kehilangan aset di bawah jagaannya itu.
- c. 1PP KP 2.4/2013 para 4 dan KP 6.6/2013 menetapkan mengenai peraturan pemeriksaan aset/verifikasi stok secara fizikal, rekod dan penempatan bagi tujuan mengetahui keadaan dan prestasinya, daftar diselenggara dengan lengkap, tepat dan kemas kini serta berada di lokasi seperti dicatatkan dalam daftar.
- d. 1PP WP 4.1/2013 mengenai Pengurusan Kenderaan Kerajaan menetapkan Ketua Jabatan hendaklah melantik seorang pegawai untuk mengurus kenderaan kerajaan. Pegawai ini bertanggungjawab antaranya mengurus perolehan, pengagihan, penjadualan, penyelenggaraan, pemeriksaan, keselamatan dan pelupusan kenderaan serta memantau penggunaan dan perekodan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit dan Kad Inden Bahan Api dalam Buku Log.
- e. 1PP WP 4.1/2013, para 13 menetapkan setiap kenderaan Kerajaan dibekalkan dengan Buku Log bagi tujuan mengawal dan memantau penggunaan kenderaan. Buku Log hendaklah dikemas kini oleh pemandu bagi setiap perjalanan dan penyenggaraan kenderaan.
- f. 1PP WP 4.1/2013 para 9 menyatakan Jabatan boleh membekalkan bahan api bagi kegunaan kenderaan Jabatan dengan menggunakan Kad Inden Minyak. Kad Inden Minyak hendaklah disimpan oleh Pegawai Kenderaan dan akan diserahkan kepada pemandu sekiranya ada keperluan mengisi bahan api dan perlu dikembalikan kepada Pegawai Kenderaan apabila urusan tersebut selesai. Pegawai Kenderaan hendaklah menyediakan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak Kenderaan yang kemas kini, dijaga dengan baik dan diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.
- g. 1PP WP 4.1/2013 para 10 hingga 12 menetapkan tatacara sistem bayaran tol tanpa resit antaranya kad hendaklah disimpan oleh Pegawai Kenderaan, Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit hendaklah dikemaskinikan dan disimpan selamat oleh Pegawai kenderaan dan Pegawai Kenderaan hendaklah mendapatkan salinan penyata yang menunjukkan semua

transaksi penggunaan kad daripada syarikat pembekal untuk penyemakan dan memastikan tidak berlaku penyalahgunaan.

8.4.6.5. Penyenggaraan Aset

1PP KP 2.5/2013 mengenai Penyenggaraan menetapkan keperluan penyenggaraan aset Kerajaan bertujuan memastikan aset berfungsi dengan lancar secara berterusan dan selamat digunakan, memelihara dan memanjangkan jangka hayat, meningkatkan keupayaan, mengurangkan kerosakan, menjimatkan perbelanjaan Kerajaan, menjamin keselamatan pengguna, mewujudkan suasana kerja yang kondusif serta produktif dan memelihara imej Kerajaan. Peraturan penyenggaraan aset yang ditetapkan antaranya adalah seperti berikut:

- a. Senarai Aset Yang Memerlukan Penyenggaraan Berjadual (KEW.PA-13) disediakan dengan lengkap dan kemas kini;
- b. Jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang;
- c. Setiap penyelenggaraan ke atas harta modal hendaklah direkodkan dalam Rekod Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA -14) dengan lengkap;
- d. Penilaian terhadap program penyenggaraan dibuat bagi menentukan matlamat program penyenggaraan tercapai;
- e. Penyenggaraan oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi.

8.4.6.6. Pelupusan

1PP KP 2.6/2013 mengenai Pelupusan menetapkan tatacara pelupusan aset alih kerajaan bagi memastikan agensi Kerajaan tidak menyimpan aset tidak boleh digunakan, menjimatkan ruang pejabat dan memastikan pelupusan dapat menjana hasil kepada Kerajaan. Tatacara pelupusan aset alih antaranya adalah:

- a. Sekurang-kurangnya 2 Lembaga Pemeriksa Pelupusan yang tidak terlibat secara langsung dalam pengendalian aset dilantik dan tempoh pelantikan tidak melebihi 2 tahun.
- b. Perakuan Pelupusan (PEP)(KEW.PA-16) hendaklah disediakan bagi aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik yang nilai perolehan asalnya melebihi RM5,000 dan perkakasan komputer yang nilai perolehan asalnya melebihi RM1,000.

- c. Laporan Lembaga Pemeriksa Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-17) hendaklah disediakan sekiranya bercadang untuk melaksanakan pelupusan.
- d. Sijil Penyaksian Pemusnahan (KEW.PA-18) disediakan bagi aset yang dilupuskan melalui kaedah musnah, tenggelam dan buangan terjadual/sisa pepejal.
- e. Sijil Pelupusan Aset (KEW.PA-19) disediakan dan ditandatangani oleh Pegawai Pengawal.

8.4.6.7. Kehilangan Dan Hapus Kira

1PP KP 2.7/2013 mengenai Kehilangan dan Hapuskira menetapkan tatacara menguruskan kehilangan dan hapuskira dengan teratur antaranya seperti berikut:

- a. Laporan Awal Kehilangan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) hendaklah disediakan bagi kehilangan aset.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal ditandatangani. Sekurang-kurangnya 2 orang pegawai hendaklah dilantik daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional.
- c. Jawatankuasa Penyiasat hendaklah menyediakan Laporan Akhir Kehilangan Aset alih Kerajaan (KEW.PA-30) dan mengemukakan kepada Urusetia Kehilangan dan Hapuskira dalam tempoh 1 bulan dari tarikh pelantikan.
- d. Mendapatkan Sijil Hapus Kira (KEW.PA-31) untuk dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh 1 bulan dari tarikh kelulusan hapus kira.
- e. Laporan Tahunan Kehilangan Dan Hapus Kira, Tindakan Surcaj/Tatatertib Aset alih Kerajaan (KEW.PA-32) hendaklah disediakan

8.4.7. Pengurusan Pelaburan

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi, kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

8.4.8. Pengurusan Pinjaman

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dipohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

8.4.9. Penyata Kewangan


Kerajaan Negeri Melaka telah mengarahkan supaya Penyata Kewangan Tahunan Agensi Negeri disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ini bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai pencapaian Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

8.5. PENEMUAN AUDIT

8.5.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2014 berada di peringkat baik. Daripada 10 Jabatan/Agensi yang diaudit, 4 Jabatan/Agensi mendapat penarafan sangat baik, 5 Jabatan/Agensi mendapat tahap baik dan 1 Agensi mendapat tahap memuaskan. Tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2014 adalah seperti di **Carta 8.1**. Manakala tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2008 hingga 2014 secara keseluruhan adalah seperti di **Jadual 8.2**.

Carta 8.1
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 8.2
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2008 Hingga 2014

Tahap Penarafan	Bilangan Jabatan/Agensi Negeri							
	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
Sangat Baik	-	1	2	2	5	8	8	4
Baik	3	8	10	10	8	4	3	5
Memuaskan	2	1	2	1	-	1	2	1
Tidak Memuaskan	-	-	-	1	-	-	1	-
Jumlah	5	10	14	14	13	13	14	10

Sumber: Jabatan Audit Negara


8.5.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

8.5.2.1. Jabatan

Semakan Audit di 5 Jabatan mendapati 3 Jabatan mencatatkan tahap sangat baik dalam Kawalan Pengurusan manakala 2 Jabatan berada di tahap baik. Empat Jabatan memperoleh tahap sangat baik dan satu Jabatan berada pada tahap baik dalam Kawalan Bajet. Bagi Kawalan Terimaan, 5 Jabatan berada di tahap sangat baik manakala bagi Kawalan Perbelanjaan, 4 Jabatan mencapai tahap sangat baik dan satu Jabatan pada tahap baik. Pengurusan Akaun Amanah dan Deposit pula menunjukkan tahap sangat baik pada 2 Jabatan, satu Jabatan berada di tahap baik serta satu Jabatan berada di tahap tidak memuaskan. Bagi Pengurusan Aset dan Stor, 2 Jabatan berada pada tahap sangat

baik dan 3 Jabatan berada pada tahap baik. Tahap pematuhan pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi Jabatan adalah seperti di **Carta 8.2**.

Carta 8.2
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan
Bagi Jabatan Tahun 2014




Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Bagi elemen Pengurusan Amanah Dan Deposit terdapat Jabatan yang tidak dapat dinilai kerana tiada pengurusan mengenainya dilaksanakan.

8.5.2.2. Agensi Negeri

Tahap pencapaian pengurusan kewangan terhadap 5 Agensi Negeri mendapati, 4 Agensi pada tahap baik manakala satu Agensi pada tahap tidak memuaskan dalam Kawalan Pengurusan. Seterusnya Kawalan Bajet bagi 4 Agensi berada pada tahap sangat baik dan satu Agensi berada di tahap memuaskan. Tahap pencapaian sangat baik juga dicapai oleh 2 Agensi, 2 Agensi lagi pada tahap baik manakala satu Agensi pada tahap memuaskan bagi Kawalan Terimaan. Bagi Kawalan Perbelanjaan, 2 Agensi mencapai tahap sangat baik, satu Agensi mencapai tahap baik dan 2 Agensi pada tahap memuaskan. Dua Agensi mencapai tahap sangat baik bagi Kawalan Amanah dan Deposit, satu Agensi berada pada tahap baik, satu Agensi pada tahap tidak memuaskan. Bagi Kawalan Pengurusan Aset dan Stor, satu Agensi berada pada tahap baik, 4 Agensi berada pada tahap memuaskan manakala satu Agensi berada pada tahap tidak memuaskan. Tahap Kawalan Pelaburan, 2 Agensi adalah sangat baik. Bagi Kawalan Pinjaman, satu Agensi berada pada tahap sangat baik. Kawalan Penyata Kewangan pula menunjukkan 3 Agensi berada pada tahap sangat baik manakala satu Agensi berada pada tahap baik serta satu Agensi berada pada tahap memuaskan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Carta 8.3**.

Carta 8.3
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan Utama
Bagi Agensi Negeri Tahun 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Bagi elemen Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Pelaburan dan elemen Pengurusan Amanah dan Deposit terdapat Agensi yang tidak dapat dinilai kerana tiada pengurusan mengenainya dilaksanakan

8.5.2.3. Carta 8.2 dan Carta 8.3 menunjukkan satu Agensi mendapat tahap tidak memuaskan di bawah Kawalan Pengurusan, satu Agensi mendapat tahap memuaskan di bawah Kawalan Bajet dan Kawalan Terimaan, 2 Agensi mendapat tahap memuaskan di bawah Kawalan Perbelanjaan, satu Jabatan dan satu Agensi mendapat tahap tidak memuaskan di bawah Kawalan Pengurusan Amanah Dan Deposit. Seterusnya, 4 Agensi mendapat tahap memuaskan dan satu Agensi mendapat tahap tidak memuaskan di bawah Kawalan Pengurusan Aset Dan Stor. Selain itu, satu Agensi mendapat tahap memuaskan dalam Pengurusan Penyata Kewangan. Kelemahan-kelemahan yang menyebabkan Jabatan/Agensi mendapat tahap memuaskan dan tidak memuaskan berdasarkan kawalan adalah seperti berikut:

a. Kawalan Pengurusan

- i. Kekurangan mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan tidak mengikut ketetapan yang digariskan dalam Enakmen.
- ii. Tiada Waran Perjawatan.
- iii. Manual Prosedur Kerja tidak lengkap dan tidak kemaskini.
- iv. Fail Meja tidak disediakan, tidak lengkap dan tidak dikemaskini.

- v. Pemeriksaan Mengejut tidak dilaksanakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan seperti AP309(a).
- vi. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) tidak bermesyuarat di peringkat Jabatan/Agensi.
- vii. Jawatankuasa Integriti Dan Tadbir Urus (JITU) tidak pernah bermesyuarat dan tiada sebarang Laporan Suku Tahun disediakan dan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah dan Setiausaha Kerajaan Negeri.
- viii. Pegawai Latihan tidak dilantik dan pegawai tidak menjalani latihan sekurang-kurangnya 7 hari setahun.

b. Kawalan Bajet

- i. Bajet Agensi bagi tahun 2014 tidak disediakan.

c. Kawalan Terimaan

- i. Pegawai bertanggungjawab tidak menyemak setiap hari Buku Tunai dengan resit dan laporan-laporan yang dijana secara elektronik.
- ii. Surat penurunan kuasa tidak dikeluarkan kepada pegawai yang memungut hasil.
- iii. Daftar Mel tidak disediakan dan resit bagi memperakui Cek Yang Diterima Melalui Pos Dan Penghantar lewat dikeluarkan.
- iv. Pungutan hasil lewat dibankkan.
- v. Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan pada setiap bulan serta tidak disemak dan disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab.

d. Kawalan Perbelanjaan

- i. Buku Vot tidak diselenggarakan.
- ii. Pesanan Tempatan tidak dicatatkan tarikh ianya dikeluarkan dan tarikh barang/perkhidmatan diterima.
- iii. Invois/bil yang diterima daripada pembekal tidak bertarikh.
- iv. Perjanjian Kontrak Tidak Ditandatangani Oleh Ketua Agensi serta Surat Setuju Terima tidak Dikeluarkan.
- v. Bayaran dibuat Tanpa Dokumen Sokongan Yang Lengkap/Sempurna.

- vi. Daftar Bil tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
- vii. Tiada bukti semakan dibuat ke atas buku vot pada setiap bulan.
- viii. Pesanan Tempatan dan Inden Kerja tidak dicatatkan tarikh ianya dikeluarkan dan tarikh ianya ditanggung.
- ix. Perihal Pesanan Tempatan/Inden Kerja Tidak Lengkap.
- x. Perjanjian Kontrak Tidak Ditandatangani Oleh Ketua Agensi Dan Ditandatangani Melebihi Tempoh 4 Bulan Dari Tarikh Surat Setuju Terima Dikeluarkan.
- xi. Bil diterima tidak didaftarkan ke dalam Daftar Bil.
- xii. Bil dibayar melebihi tempoh 14 hari.

e. Kawalan Pengurusan Amanah Dan Deposit

- i. Penyata Terimaan dan Bayaran Kumpulan Wang Amanah tidak diserahkan kepada Audit.
- ii. Daftar pinjaman kenderaan tidak diselenggarakan.
- iii. Daftar pendahuluan pelbagai tidak diselenggara.
- iv. Penyata Perbelanjaan Pendahuluan Pelbagai berserta baki tunai pendahuluan lewat dikemukakan.
- v. Baki tunai perbelanjaan pendahuluan pelbagai yang dikembalikan lewat dibankkan.
- vi. Penyata perbelanjaan pendahuluan pelbagai tidak disediakan dengan lengkap.

f. Kawalan Pengurusan Aset Dan Stor

- i. Unit Pengurusan Aset tidak ditubuhkan.
- ii. Laporan Tahunan Pengurusan Aset Alih dan Stor tidak disediakan.
- iii. Pegawai Aset tidak dilantik dari Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P).
- iv. Penerimaan barang diperakui dan ditandatangani oleh Pegawai Penerima yang tidak dilantik secara bertulis.

- v. KEW.PA-2, KEW.PA-3, KEW.PA-4, KEW.PA-5, KEW.PA-7 KEW.PS-3, KEW.PS-4 dan KEW.PS-11 tidak disediakan.
- vi. KEW.PA-2, KEW.PA-3, KEW.PA-4, KEW.PA-5, KEW.PA-7, KEW.PS-3, KEW.PS-4 dan KEW.PS-11 ada disediakan tetapi tidak lengkap dan kemas kini.
- vii. Aset tidak dilabelkan dengan tanda Hak Milik Kerajaan Malaysia dan nombor siri pendaftaran.
- viii. Laporan Aset Yang Telah Rosak KEW.PA-9 tidak disediakan bagi aset yang telah rosak.
- ix. Pegawai Pemeriksa Aset tidak melaksanakan pemeriksaan aset alih.
- x. Buku Log Kenderaan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini dan tidak disemak oleh Pegawai bertanggungjawab.
- xi. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak Kenderaan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta tidak diperiksa oleh Ketua Agensi.
- xii. Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit tidak diselenggarakan dengan lengkap.
- xiii. KEW.PA-13 dan KEW.PA-14 berkaitan penyenggaraan aset tidak disediakan.
- xiv. Sijil Pelupusan Aset, KEW.PA-19 tidak lengkap.
- xv. Hasil jualan aset yang dilupuskan telah dimasukkan ke dalam hasil Kelab Sukan Agensi.


g. Pengurusan Penyata Kewangan

- i. Penyata Kewangan Agensi 2013 telah diberi Sijil Berteguran.
- ii. Nisbah semasa Agensi bagi tahun kewangan 2013 adalah tidak memuaskan.
- iii. Agensi mengalami defisit bagi tahun kewangan 2013.

8.5.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

Analisis Audit terhadap 10 Jabatan/Agensi Negeri yang telah dilaksanakan pengauditan Indeks Akauntabiliti (AI) sekurang-kurangnya 2 kali atau lebih bagi tempoh 2009 hingga 2014, mendapati tahap prestasi pengurusan kewangan telah bertambah baik. Secara keseluruhannya 3 Jabatan dan satu Agensi telah mendapat markah sangat baik bagi tahun 2014. Jabatan Mufti Negeri Melaka telah mengekalkan prestasi kewangan sangat baik pada tahun 2011 dan 2014 manakala Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka telah mengekalkan prestasi kewangan sangat baik dari tahun 2011 hingga 2014 dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah menunjukkan peningkatan pada tahap sangat baik pada tahun 2014 berbanding tahun 2011 yang telah memperoleh tahap kewangan baik. Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah pula telah mengekalkan prestasi kewangan sangat baik pada tahun 2010 dan 2014. Pada tahun 2014, 2 Jabatan dan 3 Agensi telah mendapat markah baik di dalam pengurusan kewangan. Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah masih mengekalkan prestasi kewangan tahap baik pada tahun 2011 dan 2014. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Melaka, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Perbadanan Teknologi Hijau Melaka dan Lembaga Perumahan Melaka juga masih mengekalkan prestasi pengurusan kewangan baik pada tahun 2011 dan 2014. Satu Agensi iaitu Majlis Sukan Negeri Melaka menunjukkan tahap prestasi kewangan menurun kepada tahap memuaskan berbanding tahun 2011 yang telah memperoleh tahap kewangan baik. Kedudukan trend tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tempoh 2009 hingga 2014 adalah seperti di **Carta 8.4**.

Carta 8.4
Kedudukan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri
Tahun 2014 Berbanding Pengauditan Tahun Sebelumnya



Sumber: Jabatan Audit Negara

9. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang bertanggungjawab, telah menyimpan wang awam, setem atau barangan berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pemeriksaan mengejut di 12 Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri Melaka.

9.1. PENEMUAN AUDIT

Pemeriksaan Audit mengejut yang dijalankan ke atas 12 Jabatan/Agensi mendapati 2 Jabatan/Agensi telah diaudit mematuhi peraturan kewangan iaitu Lembaga Perumahan Melaka (Cawangan UTC) dan Mahkamah Rendah Syariah Melaka Tengah, Melaka. Bagaimanapun untuk 10 Jabatan/Agensi lain terdapat perkara-perkara yang perlu diberikan

perhatian seperti di **Jadual 9.1**. Ketua Jabatan/Agensi yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dibangkitkan dan mereka telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya.

Jadual 9.1
Isu Audit Hasil Pemeriksaan Audit Mengejut Tahun 2014

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agensi	Isu Audit
1	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Melaka	<ul style="list-style-type: none"> i. Buku Daftar Pergerakan Harta Modal dan Inventori (KEW PA-6) tidak diselenggara untuk merekod pergerakan aset. ii. Kuasa bertulis bagi tanggungjawab terhadap peti besi/bilik kebal hanya diberikan kepada seorang pegawai. Manakala dua pegawai lain yang tidak dilantik secara bertulis turut bertanggungjawab terhadap peti besi/bilik kebal semasa ketiadaan pegawai bertanggungjawab. iii. Sehingga April 2014, tiada pemeriksaan mengejut dilaksanakan. Pemeriksaan mengejut hanya dilakukan sekali pada tahun 2013 iaitu pada 31 Julai 2013.
2	Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Melaka Tengah	<ul style="list-style-type: none"> i. Proses agihan wang bantuan kepada penerima bantuan tidak dikawal oleh pihak polis. Lawatan Audit di pusat agihan bantuan mendapati tiada pemantauan oleh pihak polis dilakukan di kaunter agihan.
3	Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah	<ul style="list-style-type: none"> i. Daftar Mel tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Daftar Mel yang disediakan tiada ruangan nombor dan tarikh resit, tiada bukti telah disemak oleh pegawai penyelia kerana tiada tandatangan ringkas dan terdapat terimaan wang yang tidak didaftar dalam Daftar Mel. ii. Baki setem di tangan berbeza dengan baki di Daftar Setem dan tidak disemak oleh Ketua Jabatan untuk tujuan pengesahan. iii. Pemeriksaan mengejut ada dilaksanakan tetapi tidak dilaksanakan oleh Ketua Jabatan sepertimana arahan dalam AP 309(a).
4	Pejabat Agama Islam Melaka Tengah	<ul style="list-style-type: none"> i. Resit manual lewat dikemukakan kepada pembayar kerana pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani resit menjalankan tugas luar. Manakala resit dari sistem SPEKS pula lewat dikeluarkan disebabkan oleh masalah sistem. ii. Terdapat kutipan lewat dibankkan iaitu pada 27 Oktober 2014 berjumlah RM575 dan 28 Oktober 2014 berjumlah RM375. iii. Kutipan yang tidak sempat dibankkan disimpan dalam laci berkunci. iv. Tiada semakan dibuat pada slip bank/penyata pemungut. v. Stok buku resit disimpan di dalam kabinet tidak berkunci. vi. Surat kuasa tidak dikeluarkan terhadap 10 orang Pegawai yang terlibat dengan urusan kutipan wang di kaunter. vii. Daftar Setem tidak dikemaskini menyebabkan pengesahan jumlah terimaan dan pengeluaran setem tidak dapat disahkan. Tarikh akhir dikemaskini di dalam Daftar tersebut ialah pada April 2014.
5	Perbadanan Muzium Melaka	<ul style="list-style-type: none"> i. Resit rasmi bagi kutipan bulan Mei dan Jun 2014 lewat dikeluarkan. ii. Buku tunai tidak dikemaskini kerana resit lewat dikeluarkan.

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agensi	Isu Audit
		<ul style="list-style-type: none"> iii. Tiada semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank dan penyata pemungut. iv. Perakuan resit rasmi telah dibuat di bahagian kulit buku terakhir buku resit. Sepatutnya, perakuan resit rasmi dibuat pada muka surat pertama buku resit. v. Bil lewat dibayar iaitu melebihi tempoh 14 hari kerana tiada peruntukan.
6	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	<ul style="list-style-type: none"> i. Surat penurunan kuasa tidak dikeluarkan kepada pegawai yang melaksanakan Pemeriksaan Mengejut selaras dengan AP308.
7	Pusat Zakat Melaka UTC	<ul style="list-style-type: none"> i. Terdapat perbezaan kutipan wang zakat fitrah sejumlah RM40.50. Perbezaan ini adalah berdasarkan semakan terhadap terimaan kutipan dari 14 hingga 16 Julai 2014 berjumlah RM904.50 manakala jumlah yang terdapat di dalam peti wang tunai berjumlah RM945.00.
8	Yayasan Melaka	<ul style="list-style-type: none"> i. Daftar setem tidak disediakan dan pengesahan baki sebenar setem tidak dapat dilaksanakan. ii. Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak merangkumi pemeriksaan setem.
9	Majlis Perbandaran Alor Gajah	<ul style="list-style-type: none"> i. Daftar Borang Hasil (Kew.67) bagi Buku Resit Kew.38 tidak diselenggara dengan lengkap dan kemaskini. ii. Penyata Borang Hasil Yang Dikawal (Kew.68) tidak diselenggara. iii. Stok Borang Hasil tidak disimpan di tempat yang selamat. iv. Resit yang telah dibatalkan oleh pegawai yang diberi kuasa tidak dicop BATAL. v. Hasil kutipan di kaunter berbeza dengan Laporan Kutipan Harian. vi. Daftar Mesin Franking bagi merekod penggunaan setem tidak diselenggara. vii. Pemeriksaan mengejut ada dilaksanakan tetapi tidak dilaksanakan oleh Ketua Jabatan sepertimana arahan dalam AP 309(a).
10	Majlis Agama Islam Melaka Daerah Alor Gajah	<ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai penerima stok kupon makanan tidak menyemak dan tidak menandatangani di bahagian belakang helaian pertama buku stok kupon makanan bulanan. ii. Buku Tunai Wang Runcit tidak lengkap iaitu tiada tarikh dan nombor baucar dicatatkan diruangan terimaan bagi semua Buku Panjar semasa rekupan diterima dari Ibu Pejabat Majlis Agama Islam Melaka. iii. Ciri-ciri keselamatan di kaunter kurang memuaskan seperti tiada penghadang kaca/grill besi dipasang antara kaunter dan kawasan awam serta tiada kawalan akses pintu ke bilik kaunter . iv. Daftar Setem tidak diselenggara dengan lengkap dan kemaskini serta tidak disemak.

Sumber: Jabatan Audit Negara

9.2. SYOR AUDIT

Sungguhpun prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2014 menunjukkan peningkatan, namun bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan/Agensi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

9.2.1. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit membincangkan secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan pembetulan dan pencegahan diambil. Tindakan pembetulan adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala tindakan pencegahan adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkan hasil perbincangannya kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

9.2.2. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan pengurusan kewangan di PTJ-PTJ yang lain untuk memastikan kelemahan yang sama tidak berlaku di pejabat berkenaan. Selain itu, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu terlibat secara *hands-on* dalam pengurusan kewangan.

9.2.3. Tindakan surcaj/tatatertib terhadap mereka yang gagal memungut hasil/membuat bayaran yang tidak teratur patut diambil terhadap pegawai-pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Pada masa yang sama, latihan perlu diberi secara berterusan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.



BAHAGIAN V

PENYERAHAN, PEMBENTANGAN
PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI
KEWANGAN AGENSI NEGERI

BAHAGIAN V

PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

10. PENDAHULUAN

Menurut Seksyen 5 Akta Audit 1957 (Pindaan 1978), Ketua Audit Negara juga dikehendaki mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pengauditan ini dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan Akta dan Piawaian yang diluluskan.

10.1. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Selaras dengan Seksyen 5(c) Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara melaksanakan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri bagi memastikan segala akaun serta rekod kewangan diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sehingga akhir tahun 2014, terdapat 11 BBN, 4 PBT dan MAI. Penyata Kewangan bagi kesemua Agensi tersebut diaudit oleh firma audit swasta yang dilantik oleh Ketua Audit Negara kecuali bagi akaun MAI yang diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta adalah di bawah kuasa Ketua Audit Negara selaras dengan peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957. Kerja pengauditan yang dilaksanakan oleh firma audit swasta sentiasa dipantau oleh Jabatan Audit Negara melalui penyediaan Memorandum Perancangan Audit, borang semakan dan laporan pengurusan. Lawatan dan perbincangan turut diadakan di antara pihak firma audit swasta dengan pegawai Jabatan Audit Negara.

10.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyerahan Penyata Kewangan bagi 11 BBN adalah tertakluk di bawah Enakmen yang ditetapkan manakala bagi MAI pula, termaktub di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) Tahun 2002. Penyerahan Penyata Kewangan PBT pula adalah tertakluk di bawah Seksyen 60(1), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Pada bulan **Januari 2015**, Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran kepada semua Agensi Negeri supaya mengemukakan Penyata Kewangan sebelum 30 April tahun berikutnya. Sehingga 31 Julai 2015, kesemua 4 PBT, MAI dan 8 BBN telah mengemukakan Penyata Kewangan tahun 2014 sebelum 30 April 2014 manakala Perbadanan Bioteknologi Melaka, Perbadanan Muzium Melaka dan Majlis Sukan Negeri Melaka telah menghantar Penyata Kewangan masing-masing pada 13 Mei 2015, 22 Mei 2015 dan 7 Julai 2015.

10.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

10.3.1. Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dijalankan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Agensi menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pendapat yang dikeluarkan terhadap Penyata Kewangan dijelaskan melalui persijilan iaitu sama ada Sijil Tanpa Teguran, Berteguran, Bertentangan atau Penafian. Sijil Tanpa Teguran juga dikeluarkan dalam *Emphasis Of Matter* sekiranya terdapat perkara penting yang perlu diberi penekanan kepada pengurusan. Secara keseluruhannya 12 Sijil Tanpa Teguran telah dikeluarkan bagi Penyata Kewangan tahun 2013. Manakala 3 Sijil Berteguran telah dikeluarkan kepada Perbadanan Stadium Melaka (PSM), Lembaga Perumahan Melaka (LPM) dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) bagi Penyata Kewangan tahun 2013.

10.3.2. Sijil Berteguran telah dikeluarkan kepada PSM, LPM dan MPHTJ bagi Penyata Kewangan tahun 2013. Maklumat Sijil Berteguran tersebut adalah seperti berikut:

10.3.2.1. Sijil Berteguran dikeluarkan kepada PSM kerana PSM telah menyerahkan aset-aset tetap tahun 2011 kepada K-Ekonomi bernilai RM0.23 juta dan ianya masih tersenarai dalam aset tetap PSM. Perkara ini menyebabkan aset tetap telah terlebih nyata. PSM juga telah membuat pelarasan hapus kira bagi sebahagian akaun pemiutang sejumlah RM0.12 juta. Ia telah dilaksanakan setelah pemiutang tersebut tidak dapat dihubungi. Perkara ini berkemungkinan memberi risiko kepada PSM sekiranya terdapat tuntutan pada masa akan datang. Selain itu, Syarikat Air Melaka Berhad dan Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka telah memberi pinjaman sejumlah RM0.50 juta masing-masing menampung perbelanjaan MGIER 2013. Bagaimanapun PSM telah merekodkan sebagai pendapatan sumbangan MGIER. Oleh itu, pendapatan telah terlebih rekod sejumlah RM1 juta.

10.3.2.2. Sijil Berteguran telah dikeluarkan kepada LPM kerana terdapat kesilapan perakaunan dengan tidak merekodkan hasil jualan Rumah Pangsa Pantai Peringgit, Rumah Pangsa Balai Panjang, Pangsapuri Sungai Putat, Rumah Kedai Sungai Putat telah menyebabkan hasil jualan LPM berkurangan nyata sejumlah RM13.40 juta dan kos jualan berkurangan nyata sejumlah RM13.30 juta. Kesilapan merekodkan hasil juga telah menyebabkan inventori terlebih nyata sejumlah RM7.21 juta. Kesan daripada ini, penghutang turut berkurangan nyata sejumlah RM14.25 juta. Oleh itu, lebihan pendapatan ke atas perbelanjaan adalah berkurangan nyata sejumlah RM0.10 juta.

10.3.2.3. Sijil Berteguran dikeluarkan kepada MPHTJ disebabkan Harta Tak Alih telah berkurangan nyata sejumlah RM1.39 juta kerana Projek Balairaya Taman Bukit Melaka bernilai RM0.14 juta dan projek membina 5 unit gerai makan serta 10 unit gerai kraftangan bernilai RM1.25 juta telah direkodkan sebagai Perbelanjaan Bangunan-Bangunan Lain.

10.4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Penyata Kewangan Agensi Negeri hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Kesemua Penyata Kewangan tahun 2013 bagi 10 BBN, MAI dan 4 PBT yang telah disahkan dan dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada bulan November 2014. Penyata Kewangan Majlis Sukan Negeri (MSN) tidak perlu dibentangkan.

10.5. PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang merangkumi prestasi secara menyeluruh, penggunaan geran pembangunan dan operasi dilaporkan seperti berikut:

10.5.1. Analisis Kedudukan Kewangan Badan Berkanun Negeri

10.5.1.1. Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri (BBN) adalah berdasarkan penyata kewangan tahun 2014 yang dikemukakan kepada pihak Audit. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2014 bagi BBN adalah baik berbanding tahun 2013. Pada tahun 2014, 4 BBN mencatat lebih pendapatan manakala 7 BBN lagi mencatat kurang pendapatan. Lebih pendapatan terkumpul atau keuntungan terkumpul pada tahun 2014 pula meningkat sejumlah RM42.77 juta atau 8.3%, manakala lebih atau kurang pendapatan tahun semasa atau keuntungan tahun semasa meningkat sejumlah RM10.47 juta atau 87.7%. Selain itu, Yayasan Melaka (YM) dan Lembaga Perumahan Melaka (LPM) memperoleh peningkatan dalam pendapatan terkumpul tertinggi berjumlah RM33.39 juta atau 16.3% dan RM11.82 juta atau 31.7% pada tahun 2014. Manakala 4 daripada 11 BBN telah mencatatkan lebih pendapatan berbanding perbelanjaan antara RM2.15 juta hingga RM32.71 juta. Yayasan Melaka telah mencatatkan lebih pendapatan paling tinggi iaitu RM32.71 juta hasil daripada jualan bangunan yayasan kepada Tenaga Nasional Berhad bernilai RM75.00 juta dan kepada Gold Coast Water City Resort bernilai RM82.00 juta serta penjualan rumah kediaman di Taman Bachang Utama, Taman Bertam Perdana, Taman Limbongan Permai, Taman Murai Jaya dan Taman Saujana Jaya. Butiran terperinci prestasi kewangan BBN bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti di **Jadual 10.1**.

Jadual 10.1
Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Tahun 2014

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Penyata Pendapatan			Lembaran Imbangan		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ Defisit (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset/ Liabiliti Semasa Bersih (RM Juta)
1	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	58.21	54.59	3.62	397.25	74.09	323.16
2	Yayasan Melaka	225.73	193.03	32.70	332.86	182.59	150.27
3	Lembaga Perumahan Melaka	29.68	17.87	11.81	47.77	10.75	37.02
4	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	10.90	8.75	2.15	82.26	75.27	6.99
5	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	8.48	7.22	1.26	3.81	1.49	2.32
6	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	1.87	1.22	0.65	0.62	0.00*	0.62
7	Majlis Sukan Negeri	0.77	3.04	-2.27	0.42	0.01	0.41
8	Perbadanan Stadium Melaka	2.41	4.44	-2.03	0.79	1.52	-0.73
9	Perbadanan Bioteknologi Melaka	1.98	4.16	-2.18	1.63	2.89	-1.26
10	Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka	11.14	13.47	-2.33	3.61	4.91	-1.30
11	Perbadanan Muzium Melaka	9.49	9.51	-0.02	1.10	2.71	-1.61
Jumlah		360.66	317.30	43.36	872.12	356.23	515.89

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

Nota: * - RM2,842

10.5.2. Analisis Aset

10.5.2.1. Analisis Audit terhadap jumlah aset mendapati berlaku peningkatan aset iaitu daripada RM1,335.94 juta pada tahun 2013 kepada RM1,353.66 juta pada tahun 2014 dengan peningkatan sejumlah RM17.72 juta atau 1.3%. Enam BBN memperoleh peningkatan jumlah aset antara RM0.45 juta hingga RM21.86 juta manakala 5 BBN yang lainnya pula mengalami kurangan aset iaitu antara RM0.04 juta hingga RM29.06 juta. Selain itu, jumlah aset semasa bersih pada akhir tahun 2014 turut menunjukkan berlaku peningkatan sejumlah RM178.37 juta atau 52.8%. Enam BBN menunjukkan peningkatan jumlah aset semasa bersih antara RM0.66 juta hingga RM127.11 juta manakala 5 BBN pula mengalami kurangan antara RM80,676 hingga RM2.74 juta. Kedudukan aset semasa bersih bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 10.2**.

Jadual 10.2
Aset Semasa Bersih Badan Berkanun Negeri Tahun 2013 Dan 2014

Bil.	Badan Berkanun Negeri	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	281.75	323.16	41.41	14.7
2	Yayasan Melaka	23.16	150.27	127.11	548.8
3	Lembaga Perumahan Melaka	25.34	37.01	11.67	46.1
4	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	4.72	7.00	2.28	48.3
5	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	1.25	2.32	1.07	85.6
6	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	-0.04	0.62	0.66	-1,650.0
7	Majlis Sukan Negeri Melaka	0.88	0.41	-0.47	-53.4
8	Perbadanan Stadium Melaka	-0.04	-0.73	-0.69	1,725.0
9	Perbadanan Bioteknologi Melaka	0.57	-1.27	-1.84	-322.8
10	Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka	1.45	-1.29	-2.74	-189.0
11	Perbadanan Muzium Melaka	-1.53	-1.61	-0.08	5.2
Jumlah		337.51	515.89	178.38	52.8

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

10.5.2.2. Peningkatan aset semasa bersih yang ketara berlaku di Yayasan Melaka (YM) iaitu dengan peningkatan sejumlah RM127.11 juta atau 548.8% disebabkan peningkatan terhadap akaun penghutang dan simpanan tetap serta penurunan dalam pinjaman jangka pendek pada tahun 2014 berbanding tahun 2013. Manakala, Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka (PPSPM) mencatatkan penurunan aset semasa bersih tertinggi pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 iaitu sejumlah RM2.75 juta atau 189.7%. Penurunan ini adalah disebabkan peningkatan dalam pemiutang agensi.


10.5.2.3. Analisis terhadap Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2014 mendapati 7 daripada 11 BBN berada dalam kedudukan stabil di mana aset semasa melebihi liabiliti semasa antara RM0.41 juta hingga RM323.16 juta. Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) mencatatkan aset semasa bersih paling tinggi iaitu berjumlah RM323.16 juta di mana aset semasa berjumlah RM397.25 juta berbanding liabiliti semasa berjumlah RM74.09 juta. Analisis Audit terhadap jumlah liabiliti semasa bagi 11 BBN pada akhir tahun 2014 mendapati secara keseluruhannya berlaku peningkatan terhadap liabiliti semasa iaitu dari RM340.77 juta pada tahun 2013 kepada RM356.23 juta dengan peningkatan sejumlah RM15.46 juta atau 4.1%.

10.5.3. Analisis Pelaburan

Pada tahun 2014, hanya 5 BBN yang mempunyai pelaburan iaitu PKNM, YM, Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM), Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) dan Perbadanan Bioteknologi Melaka (PBM) dengan nilai pelaburan sejumlah RM274.84 juta setelah mengambil kira rosot nilai pelaburan. Pelaburan yang dibuat adalah terdiri daripada pelaburan dalam hartanah, syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan pelaburan lain. Analisis Audit mendapati secara keseluruhannya, jumlah pelaburan menunjukkan penurunan

sejumlah RM116.97 juta atau 29.9% pada tahun 2014. YM mencatatkan penurunan dalam pelaburan paling ketara pada tahun 2014 iaitu sejumlah RM119.82 juta atau 32.56%. Butiran lanjut mengenai jenis dan jumlah pelaburan bagi tahun 2014 adalah seperti di **Carta 10.1**.

Carta 10.1
Pelaburan Badan Berkanun Negeri Tahun 2014



Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

10.5.4. Analisis Liabiliti

Pada akhir tahun 2014, liabiliti bagi 11 BBN adalah sejumlah RM729.32 juta berbanding RM761.99 juta pada tahun 2013 iaitu menurun sejumlah RM32.67 juta atau 4.3%. Analisis Audit mendapati, jumlah liabiliti bagi 4 BBN menunjukkan penurunan antara RM24,400 hingga RM62.45 juta pada tahun 2014. YM merupakan BBN yang mengalami penurunan jumlah liabiliti yang tertinggi iaitu RM62.45 juta atau 15.3%. Manakala liabiliti bagi 7 BBN lagi menunjukkan peningkatan antara RM0.28 juta hingga RM19.71 juta. PERTAM dan PKNM merupakan BBN yang mencatatkan peningkatan jumlah liabiliti tertinggi iaitu sejumlah RM19.71 juta atau 35.5% dan RM6.03 juta atau 2.2% berbanding tahun sebelumnya disebabkan peningkatan terhadap cagaran diterima, pemiutang dan pinjaman jangka pendek. Butiran lanjut mengenai liabiliti bagi 11 BBN bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 10.3**.

Jadual 10.3
Jumlah Liabiliti Badan Berkanun Negeri Tahun 2013 Dan 2014

Bil.	Badan Berkanun Negeri	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1	Yayasan Melaka	408.21	345.76	-62.45	-15.3
2	Lembaga Perumahan Melaka	13.32	10.75	-2.57	-19.3
3	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	0.07	0.00*	-0.07	-96.1
4	Majlis Sukan Negeri Melaka	0.03	0.01	-0.02	-66.7
5	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	1.31	1.59	0.28	21.4
6	Perbadanan Bioteknologi Melaka	3.62	3.96	0.34	9.4
7	Perbadanan Muzium Melaka	2.24	2.71	0.47	21.0
8	Perbadanan Stadium Melaka	4.13	6.82	2.69	65.1
9	Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka	4.11	7.03	2.92	71.1
10	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	269.39	275.42	6.03	2.2
11	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	55.56	75.27	19.71	35.5
Jumlah		761.99	729.32	-32.67	-4.3

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

Nota: * - RM2,842

10.5.5. Analisis Nisbah

10.5.5.1. Nisbah semasa adalah ukuran yang digunakan bagi menilai kecairan agensi dan keupayaan agensi menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah semasa bagi 11 BBN telah meningkat daripada RM1.99 pada tahun 2013 kepada RM2.45 pada tahun 2014. Secara keseluruhannya, nisbah semasa bagi 4 BBN iaitu PERZIM, PPSPM, PBM dan PSM adalah kurang memuaskan kerana nisbah semasa yang diperolehi adalah kurang dari satu pada tahun 2014.

10.5.5.2. Nisbah kecairan atau nisbah cepat bertujuan mengukur keupayaan agensi membayar semua tanggungan jangka pendek tepat pada masanya. Pada tahun 2014 5 BBN menunjukkan nisbah kecairan kurang daripada satu iaitu menggambarkan BBN tersebut tidak mampu untuk memenuhi tanggungan jangka pendek. Selain itu, analisis Audit juga mendapati 4 daripada 11 BBN tidak mempunyai modal kerja yang mencukupi pada tahun 2014. Manakala bagi aliran tunai bersih tahun 2014, analisis Audit mendapati 10 BBN mempunyai lebih aliran tunai bersih manakala satu BBN iaitu PSM mempunyai kekurangan aliran tunai bersih.

10.5.5.3. Analisis Audit terhadap Nisbah hutang pula adalah untuk mengukur peratus dana dibiayai dari sumber selain ekuiti. Analisis nisbah hutang menunjukkan 4 daripada 11 BBN menggunakan lebih daripada 65% jumlah asetnya dibiayai oleh jumlah hutang. Penilaian terhadap analisis kecairan dan kestabilan BBN bagi tahun 2014 adalah seperti **Jadual 10.4**.

Jadual 10.4
Analisis Kecairan Dan Kestabilan Badan Berkanun Negeri Tahun 2014

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Nisbah Semasa	Nisbah Cepat	Modal Kerja (RM Juta)	Aliran Tunai Bersih (RM Juta)	Nisbah Hutang (%)
1	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	217.47	217.47	0.62	0.58	0.4
2	Majlis Sukan Negeri Melaka	77.83	77.83	0.41	0.42	1.2
3	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	5.36	2.10	323.16	23.23	48.3
4	Lembaga Perumahan Melaka	4.44	2.76	37.01	5.71	18.0
5	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	2.56	2.56	2.32	3.75	6.0
6	Yayasan Melaka	1.82	1.82	150.27	37.20	59.2
7	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	1.09	0.98	7.00	0.44	81.4
8	Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka	0.74	0.74	-1.29	1.65	105.7
9	Perbadanan Bioteknologi Melaka	0.56	0.54	-1.27	1.27	88.1
10	Perbadanan Stadium Melaka	0.52	0.52	-0.73	-0.02	250.7
11	Perbadanan Muzium Melaka	0.40	0.18	-1.62	0.46	45.1

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

10.5.6. Prestasi Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Negeri

10.5.6.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Pada tahun 2014, hanya 5 BBN mempunyai pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu iaitu PKNM, YM, PERTAM, PERZIM dan PBM dengan nilai pelaburan berjumlah RM32.80 juta setelah mengambil kira rosot nilai pelaburan. PKNM mempunyai pelaburan bersih paling tinggi dengan jumlah RM21.54 juta. Manakala PBM mempunyai pelaburan bersih terendah iaitu RM1. Analisis pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu oleh BBN adalah seperti di **Jadual 10.5**.

Jadual 10.5
Analisis Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari Dan Syarikat Bersekutu

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Syarikat Subsidiari (100%)	Syarikat Subsidiari (>50%)	Syarikat Bersekutu (<50%)	Pelaburan Bersih (RM Juta)
1	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	10	3	4	21.54
2	Yayasan Melaka	11	3	9	10.53
3	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	3	-	2	0.73
4	Perbadanan Muzium Negeri Melaka	2	-	-	0*
5	Perbadanan Bioteknologi Melaka	2	-	-	0**
Jumlah		28	6	15	32.80

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari

Nota: * - Perbadanan Muzium Negeri Melaka (PERZIM) = RM2

** - Perbadanan Bioteknologi Melaka (PBM) = RM1

10.5.6.2. Status Syarikat Subsidiari

Analisis Audit mendapati PKNM dan YM masing-masing mempunyai 13 dan 14 syarikat subsidiari dengan jumlah ekuiti lebih daripada 50%. PERTAM mempunyai 3 syarikat subsidiari, manakala PERZIM dan PBM masing-masing mempunyai 2 syarikat subsidiari. Daripada 34 syarikat subsidiari, 25 syarikat subsidiari berstatus aktif dan 9 berstatus dormant. Bilangan syarikat subsidiari yang aktif dan dormant adalah seperti **Jadual 10.6**.

Jadual 10.6
Bilangan Syarikat Subsidiari Yang Aktif Dan Dorman Tahun 2014

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Bilangan Syarikat subsidiari (Ekuiti Lebih Daripada 50%)		
		Status Aktif	Status Dorman	Jumlah Syarikat
1	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	10	3	13
2	Yayasan Melaka	8	6	14
3	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	3	-	3
4	Perbadanan Muzium Melaka	2	-	2
5	Perbadanan Bioteknologi Melaka	2	-	2
Jumlah		25	9	34

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

10.5.7. Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Syarikat

Analisis Audit mendapati pada 31 Disember 2014, sejumlah 6 syarikat subsidiari yang aktif di bawah 2 BBN mempunyai keuntungan terkumpul berjumlah RM28.90 juta, manakala 19 syarikat subsidiari BBN mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM35.69 juta. Syarikat subsidiari yang mempunyai keuntungan terkumpul tertinggi ialah Pembangunan Pertanian Melaka Sdn. Bhd. berjumlah RM27.24 juta manakala YM Maintenance & Services Sdn. Bhd. mengalami kerugian terkumpul tertinggi berjumlah RM7.68 juta. Kedua-dua syarikat subsidiari tersebut merupakan syarikat subsidiari kepada Yayasan Melaka. Analisis keuntungan terkumpul dan kerugian terkumpul syarikat subsidiari BBN bagi tahun kewangan 2014 adalah seperti **Jadual 10.7**.

Jadual 10.7
Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul
Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Negeri Tahun 2014

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Keuntungan Terkumpul		Kerugian Terkumpul		Keuntungan/ Kerugian Terkumpul Bersih (RM Juta)
		Bil. Syarikat Subsidiari	Jumlah (RM Juta)	Bil. Syarikat Subsidiari	Jumlah (RM Juta)	
1	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	5	1.66	5	18.79	-17.13
2	Yayasan Melaka	1	27.24	7	13.45	13.79
3	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	-	-	3	1.91	-1.91
4	Perbadanan Muzium Melaka	-	-	2	0.17	-0.17
5	Perbadanan Bioteknologi Melaka	-	-	2	1.37	-1.37
Jumlah		6	28.90	19	35.69	-6.79

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat subsidiari

Pada pendapat Audit, Lembaga Pengarah Badan Berkanun Negeri yang berkenaan hendaklah sentiasa memantau prestasi kewangan syarikat subsidiari dan mengkaji semula pelaburan dalam syarikat subsidiari yang berstatus dormant dan menghadapi kerugian terkumpul. Lembaga Pengarah juga perlu mengenal pasti peluang-peluang yang boleh mendatangkan keuntungan untuk memastikan pengurusan syarikat subsidiari adalah berdaya maju dan mampu memberi pulangan yang sewajarnya kepada BBN.

10.5.8. Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

10.5.8.1. Analisis prestasi kewangan PBT adalah berdasarkan penyata kewangan tahun 2014 bagi kesemua 4 PBT yang terdiri daripada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) dan Majlis Perbandaran Jasin (MPJ). Berdasarkan kepada penyata kewangan yang dikemukakan, analisis Audit mendapati pada umumnya prestasi kewangan PBT tahun 2014 adalah baik kerana 3 PBT mengakhiri tahun kewangan 2014 dengan mencatatkan surplus, manakala satu PBT lagi mencatatkan defisit. Selain itu, satu PBT mencatatkan aset semasa melebihi liabiliti semasa manakala 3 PBT lain mencatatkan liabiliti semasa melebihi aset semasa. Prestasi kewangan PBT bagi tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 10.8** manakala kedudukan kewangan bagi tahun 2014 berbanding 2013 adalah seperti di **Jadual 10.9**.

Jadual 10.8
Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2014

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Pendapatan			Lembaran Imbangan		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ Defisit (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset/ Liabiliti Semasa Bersih (RM Juta)
1	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	160.24	157.75	2.49	149.93	66.77	83.16
2	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	55.50	54.75	0.75	28.73	87.59	-58.86
3	Majlis Perbandaran Alor Gajah	32.09	36.14	-4.05	30.08	48.33	-18.25
4	Majlis Perbandaran Jasin	24.42	22.94	1.48	40.96	41.69	-0.73
Jumlah		272.25	271.58	0.67	249.70	244.38	5.32

Sumber: Penyata Kewangan PBT

Jadual 10.9
Kedudukan Kewangan Tahunan Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Surplus/Defisit		Perubahan	
		2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	1.81	2.49	0.68	37.6
2	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	-12.77	0.75	13.52	105.9
3	Majlis Perbandaran Alor Gajah	-6.81	-4.05	2.76	40.5
4	Majlis Perbandaran Jasin	-0.76	1.48	2.24	294.7
Jumlah		-18.53	0.67	19.2	-103.6

Sumber: Penyata Kewangan PBT

- a. MBMB telah mencatatkan surplus semasa sejumlah RM2.49 juta. Surplus tahun semasa menunjukkan peningkatan sejumlah RM0.68 juta atau 37.6% berbanding surplus berjumlah RM1.81 juta pada tahun 2013. Perkara ini disebabkan pada tahun 2014 terdapat kenaikan daripada keuntungan jualan hartanah dan bangunan sejumlah RM8.25 juta.
- b. Prestasi kewangan MPHTJ pada tahun 2014 juga menunjukkan surplus sejumlah RM0.75 juta iaitu peningkatan sejumlah RM13.52 juta atau 105.9% berbanding defisit RM12.77 juta pada tahun 2013. Peningkatan surplus ini adalah kerana MPHTJ telah berjaya mengurangkan perbelanjaan tahun semasa bagi belanja penyenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli iaitu sejumlah RM14.59 juta.
- c. MPAG mengalami pengurangan defisit bagi tahun 2014 berjumlah RM2.76 juta kepada RM4.05 juta berbanding defisit tahun 2013 berjumlah RM6.81 juta. Ini disebabkan peningkatan dalam hasil cukai dan terimaan dari agensi kerajaan masing-masing berjumlah RM2.09 juta dan RM0.49 juta.
- d. MPJ pula pada tahun 2014 menunjukkan surplus berjumlah RM1.48 juta berbanding defisit sejumlah RM0.76 juta tahun sebelumnya iaitu kenaikan RM2.24 juta atau 294.7%. Ini adalah kerana terdapat peningkatan sejumlah RM1.84 juta daripada sumbangan Kerajaan Negeri/Persekutuan, Infrastruktur dan lain-lain pendapatan pada tahun 2014.

10.5.8.2. Hasil Cukai Taksiran

- a. Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan merupakan penyumbang utama kepada hasil pendapatan PBT. Cukai taksiran dikenakan ke atas pegangan seperti rumah kediaman, kedai, bangunan perniagaan, pejabat bukan milik kerajaan, kilang, hotel dan sebagainya. Caruman bantu kadar merupakan cukai tahunan yang dikenakan ke atas bangunan milik Kerajaan. Sehingga akhir tahun 2014, sejumlah RM144.66 juta cukai taksiran telah dikutip oleh PBT. Hasil cukai taksiran ini bertambah sejumlah RM7.30 juta atau 5.3% berbanding hasil cukai taksiran pada tahun 2013. Peningkatan cukai taksiran harta adalah

disebabkan wujudnya taman-taman perumahan baru dibuka yang dikenakan cukai. Hasil cukai taksiran PBT bagi tempoh 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 10.10** manakala bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti **Jadual 10.11**.

Jadual 10.10
Hasil Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2013 Dan 2014

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	86.65	88.74	2.09	2.4
2	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	30.75	33.03	2.28	7.4
3	Majlis Perbandaran Alor Gajah	14.72	16.81	2.09	14.2
4	Majlis Perbandaran Jasin	5.24	6.08	0.84	16.0
Jumlah		137.36	144.66	7.30	5.3

Sumber: Penyata Kewangan PBT

Jadual 10.11
Kutipan Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2010 Hingga 2014

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	79.30	79.90	82.08	86.65	88.74
2	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	25.32	27.94	30.76	30.75	33.03
3	Majlis Perbandaran Alor Gajah	17.11	15.10	13.62	14.72	16.81
4	Majlis Perbandaran Jasin	4.80	4.94	5.25	5.24	6.08
Jumlah		126.53	127.88	131.71	137.36	144.66

Sumber: Penyata Kewangan PBT

10.5.8.3. Tunggakan Hasil Cukai Taksiran

- a. Analisis Audit terhadap tunggakan cukai taksiran mendapati, secara keseluruhannya jumlah tunggakan semua PBT telah meningkat daripada RM52.53 juta pada tahun 2013 kepada RM56.62 juta pada tahun 2014 dengan peningkatan sejumlah RM4.09 juta atau 7.8%. MPHTJ dan MBMB menunjukkan peningkatan tunggakan cukai taksiran masing-masing berjumlah RM2.16 juta dan RM0.79 juta pada tahun 2014. Tunggakan cukai taksiran bagi MPAG dan MPJ turut menunjukkan peningkatan masing-masing sejumlah RM0.70 juta dan RM0.44 juta. Perkara ini disebabkan oleh peningkatan penambahan pegangan yang dikenakan cukai dan peningkatan Caruman Bantu Kadar Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun.
- b. Semua PBT telah mengambil tindakan mengutip cukai taksiran seperti pengeluaran Borang E (Notis Tunggakan Cukai Taksiran Harta), Borang F (Waran Tahanan), Borang Ansuran Cukai Taksiran dan Operasi Sita. Selain itu, pemantauan secara berkala juga turut dilaksanakan dengan membuka kaunter luar kutipan cukai taksiran harta dan melantik syarikat pemungut hutang. Tunggakan cukai taksiran bagi tempoh 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 10.12**. Manakala bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti **Jadual 10.13**.

Jadual 10.12
Tunggakan Cukai Taksiran Tahun 2013 Dan 2014

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	39.23	40.02	0.79	2.0
2	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	5.74	7.90	2.16	37.6
3	Majlis Perbandaran Alor Gajah	4.58	5.28	0.70	15.3
4	Majlis Perbandaran Jasin	2.98	3.42	0.44	14.8
Jumlah		52.53	56.62	4.09	7.8

Sumber: Penyata Kewangan PBT

Jadual 10.13
Tunggakan Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2010 Hingga 2014

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	40.58	42.90	38.49	39.23	40.02
2	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	3.66	4.95	4.71	5.74	7.90
3	Majlis Perbandaran Alor Gajah	8.56	8.22	6.66	4.58	5.28
4	Majlis Perbandaran Jasin	2.97	3.00	3.00	2.98	3.42
Jumlah		55.77	59.07	52.86	52.53	56.62

Sumber: Penyata Kewangan PBT

- c. Berdasarkan penyata kewangan bagi tahun 2014, jumlah pendapatan bagi semua PBT berjumlah RM272.25 juta manakala jumlah tunggakan cukai taksiran berjumlah RM56.62 juta. MBMB mempunyai peratus tunggakan cukai taksiran tertinggi berbanding pendapatan sejumlah 25.0%. Peratus tunggakan berbanding pendapatan tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 10.14**.

Jadual 10.14
Peratus Tunggakan Cukai Taksiran Berbanding Pendapatan Tahun 2014

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tunggakan (RM Juta)	Pendapatan (RM Juta)	Tunggakan Berbanding Pendapatan (%)
1	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	40.02	160.24	25.0
2	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	7.90	55.50	14.2
3	Majlis Perbandaran Alor Gajah	5.28	32.09	16.5
4	Majlis Perbandaran Jasin	3.42	24.42	14.0
Jumlah		56.62	272.25	20.8

Sumber: Penyata Kewangan PBT

10.6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Untuk memastikan prestasi kewangan BBN dan PBT bertambah kukuh adalah disyorkan supaya mengambil langkah seperti berikut:

10.6.1. Ketua Eksekutif/Pengurus Besar BBN perlu mengambil tindakan tegas terhadap tunggakan hutang daripada penghutang dan juga daripada syarikat subsidiari BBN supaya dapat mengukuhkan kedudukan tunai. Pada masa yang sama syarikat subsidiari yang mengalami kerugian berterusan dan berstatus dorman, Lembaga Pengarah hendaklah mengkaji semula kedudukan syarikat berkenaan sama ada perlu ditutup atau diteruskan dengan rancangan perniagaan baru yang lebih berdaya maju.

10.6.2. PBT yang mengalami defisit dan kekurangan aset semasa bersih perlu mempertingkatkan prestasi kewangannya supaya pendapatan yang diperoleh dapat menampung perbelanjaan mengurus dan menanggung liabiliti semasa. Selain itu PBT juga perlu mengambil tindakan lebih tegas terhadap mereka yang gagal membayar cukai taksiran dalam tempoh masa yang ditetapkan supaya tunggakan cukai taksiran tidak berterusan meningkat.



BAHAGIAN VI

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA
AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG
AWAM NEGERI

BAHAGIAN VI

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

11. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI; DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Melaka Tahun 2013 berserta Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2013 Siri 3 telah dibentangkan pada 10 November 2014.

12. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Pada tahun 2014, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Melaka (Jawatankuasa) telah bersidang sebanyak 3 kali dan 2 daripadanya telah pun dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013. Sehubungan itu, pada 11 September 2014, Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat untuk membincangkan maklum balas mengenai isu-isu Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 dan 2013 bagi Siri 1 dan Siri 2. Jawatankuasa telah memanggil Jabatan yang berkaitan bagi mendapatkan penjelasan mengenai tindakan yang diambil terhadap isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya Akauntabiliti Awam, Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara dan membuat lawatan ke tapak projek dan syarikat subsidiari Kerajaan Negeri, mengkaji isu-isu lama dalam Laporan Ketua Audit Negara yang belum selesai dan memastikan syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Butiran ringkas perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuarat adalah seperti di **Jadual 12.1**.

Jadual 12.1

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Melaka Tahun 2014 Sehingga Mei 2015

Bil.	Tarikh	Perkara Yang Dibincangkan
1	11 September 2014	<ul style="list-style-type: none"> • Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Melaka Bil. 2/2014 bertarikh 12 dan 13 Jun 2014. • Perbincangan mengenai perkara-perkara berbangkit ke atas Yayasan Melaka. • Perbincangan jawapan bertulis dari Jabatan/Agensi berkenaan isu-isu Laporan Ketua Audit Negara seperti berikut: <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 1</u></p> <p>a) Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Melaka</p> <ul style="list-style-type: none"> • Permohonan Hak Milik Strata Tidak Dibuat • Permohonan Tidak Dikemukakan oleh Pemaju/Pemilik Bangunan Dalam Tempoh 6 bulan • Permohonan Lanjutan Hakmilik Strata Tidak Dikemukakan <p>b) Jabatan Ketua Menteri Melaka (Unit Khidmat Masyarakat & Belia)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rumah Bina Baru Tidak Mengikut Spesifikasi • Rumah Yang Dibina Mengalami Kerosakan • Rumah Yang Dibina Di atas Tanah Rezab Kerajaan • Bantuan 2 kali kepada Penerima Yang Sama <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 2</u></p> <p>a) Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah; dan Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelanggaran Syarat Nyata Tanah Tanpa Permohonan Tukar Syarat • Pelanggaran Syarat Nyata Tanah Selepas Permohonan Ditolak • Kerugian Hasil Disebabkan Tiada Denda Dikenakan • Penguatkuasaan dan Pemantauan <p>b) Perbadanan Ketua Menteri Melaka dan Yayasan Melaka</p> <ul style="list-style-type: none"> • Prestasi Jualan Produk Kurang Memberangsangkan • Kontrak Perjanjian Tidak Disediakan Dan Tidak Lengkap • Laporan Bulanan Jualan Produk Dan Rekod Stok Tidak Lengkap dan Kemaskini • Beras Subsidi Kerajaan • <i>Standard Operating Procedures</i> (SOP) • Pinjaman Dengan Yayasan Melaka Dan Pendahuluan Dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka Belum Dijelaskan <p>c) Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Invest Melaka Berhad</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sasaran Pelaburan Tidak Tercapai • Melaka One Number Call Centre • Laman Sesawang Kurang Informatif • Terimaan Tanpa Resit Rasmi Dan Tiada Dalam Penyata Bank <p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 1</u></p> <p>a) Majlis Sukan Negeri Melaka</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perancangan Strategik Pembangunan Sukan Tidak Disediakan • Peralatan Sukan Tidak Disenggara/Usang/Rosak

Bil.	Tarikh	Perkara Yang Dibincangkan
		<p><u>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 2</u></p> <p>a) Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah; Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah; dan Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Tanah Adat Melaka • Notis Borang 5A Telah Tamat Tempoh • Permohonan Tanah Kerajaan Yang Memohon Status MCL • Hak Milik Asal Tidak Dibatalkan Dan Hakmilik Sambungan Belum Dikeluarkan • Tunggakan Cukai Tanah MCL <p>b) Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerja Tidak Dilaksanakan Mengikut Spesifikasi • Kualiti Kerja Tidak Memuaskan • Projek Taman Ros Di Taman Botanical Gagal • Perolehan Tanpa Anggaran/Bajet <p>c) Majlis Perbandaran Alor Gajah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerja tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi <p>d) Yayasan Melaka (Dunia Melayu Dunia Islam International Education Sdn. Bhd.)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiada Tenaga Pengajar Sepenuh Masa • Kemudahan Perpustakaan Tidak Memenuhi Syarat Agensi Kelayakan Malaysia. • Kursus Yang Ditawarkan Tidak Dijalankan • Perjanjian Penyewaan Tidak Ditandatangani • Perancangan Strategik, Key Performance Indicator (KPI) dan Unit Audit Dalam Dan Jawatankuasa Audit tidak dilaksanakan selaras dengan Amalan Tadbir Urus Malaysia.
2	6 November 2014	<ul style="list-style-type: none"> • Persidangan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam (PAC) Negeri 2014 telah diadakan di Hotel Ramada Melaka. Persidangan ini adalah anjuran Kerajaan Negeri Melaka dengan kerjasama Jabatan Audit Negara Negeri Melaka, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Melaka dan Institut Pengurusan dan Integriti Melaka (INSPIM). • Persidangan telah dihadiri oleh semua Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri, Setiausaha Dewan Undangan Negeri, Ketua Jabatan/Pegawai Kanan Agensi dan Syarikat Milik Kerajaan bagi setiap Negeri. • Persidangan ini turut dihadiri Ketua Audit Negara, Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri), Pengarah Sektor Audit Negeri dan Pengarah Audit Negeri Seluruh Malaysia • Tujuan utama persidangan ini adalah : <ul style="list-style-type: none"> i) Memberikan pendedahan dan input baru bagi memangkin penambahbaikan dalam sistem pengurusan, pentadbiran dan prestasi organisasi; ii) Memberi input pengurusan kewangan syarikat/audit/pengurusan perakaunan/pemasaran/pentadbiran/sumber manusia yang lebih efisien serta peranan dan tanggungjawab Ahli Lembaga Pengarah/ Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pegawai Operasi/Pengurus Besar/ Pengurus dengan penuh tanggungjawab dan berintegriti; iii) Memberi pendedahan berkenaan aspek teguran daripada Jabatan Audit Negara berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara dan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkaitan isu-isu yang berkaitan integriti dalam pengurusan Sektor Awam dan agensi Badan Awam.

Sumber: Jabatan Audit Negara



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri adalah memuaskan. Begitu juga tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi pada tahun 2014 telah menunjukkan prestasi baik berbanding tahun 2013 kerana Jabatan/Agensi telah memberi fokus yang lebih sejak pelaksanaan Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara mulai tahun 2007. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan ini, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan perkara berikut:

- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain dan seterusnya mengambil tindakan pembedahan memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu.
- b. Jabatan/Agensi perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD)/Integriti. Antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD/Integriti mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan disediakan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.
- c. Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut.
- d. Ketua Jabatan perlu mewujudkan sistem *check and balance*, *frequent monitoring and audit spot checks*, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang pengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

14 Julai 2015



LAMPIRAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada 31 Disember 2014; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya
29 Mei 2015



**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
DAN BENDAHARI NEGERI**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard – Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Melaka

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum beserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2014.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2014.


DATUK MOHD ZIN BIN MANSOR
Pegawai Kewangan Negeri

9 hb Mac 2015


JAFRI BIN JUNIT
Bendahari Negeri

9 hb Mac 2015

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2014

		<u>2014</u>	<u>2013</u>
	<i>Nota</i>	RM	RM
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	77,576,416.92	36,721,800.80
PELABURAN	4	22,098,016.20	21,410,098.18
		<hr/>	<hr/>
		99,674,433.12	58,131,898.98
		<hr/>	<hr/>
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	(18,738,972.51)	34,069,418.88
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	-	-
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	118,413,405.63	24,062,480.10
		<hr/>	<hr/>
		99,674,433.12	58,131,898.98
		<hr/>	<hr/>

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)
bagi tahun berakhir 31 Disember 2014**

		<u>2014</u>		<u>2013</u>	
	<u>Nota</u>	RM	RM	RM	RM
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	5				
Emolumen		(97,030,949.68)		(97,011,435.68)	
Perkhidmatan dan Bekalan		(112,645,257.88)		(105,073,125.16)	
Aset		(4,776,223.66)		(3,944,989.15)	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		(93,590,731.81)		(92,693,213.18)	
Perbelanjaan Lain		(1,084,541.56)	(309,127,704.59)	<u>(1,407,051.31)</u>	(300,129,814.48)
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		(58,000,993.61)		(60,659,745.04)	
Pinjaman		<u>-</u>	(58,000,993.61)	<u>(28,302,480.00)</u>	(88,962,225.04)
Perbelanjaan Modal					
Pembelian Instrumen Kewangan	4	<u>(687,918.02)</u>	(687,918.02)	<u>(517,093.82)</u>	(517,093.82)
Jumlah Bayaran			<u>(367,816,616.22)</u>	<u>(389,609,133.34)</u>	
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			40,854,616.12	(23,501,609.24)	
Wang Tunai Pada 1 Januari			36,721,800.80	60,223,410.04	
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER			<u>77,576,416.92</u>	<u>36,721,800.80</u>	

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2014

	<i>Nota</i>	<u>2014</u>		<u>2013</u>
		<i>Belanjawan</i>	<i>Sebenar</i>	<i>Sebenar</i>
		RM	RM	RM
HASIL	5(a)	272,572,955.00	256,319,313.20	302,901,731.33
<i>Tolak:</i>				
Belanja Mengurus	5(b)	339,432,625.00	309,127,704.59	302,129,814.48
LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL		(66,859,670.00)	(52,808,391.39)	771,916.85
<i>Tolak:</i>				
Belanja Pembangunan	7(a)(i)	61,857,270.00	58,000,993.61	88,962,225.04
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		(128,716,940.00)	(110,809,385.00)	(88,190,308.19)
KURANGAN DIBIYAI OLEH:				
Pinjaman Dalam Negeri	6		-	7,000,000.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		18,146,566.07	20,114,380.06
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	7		92,662,818.93	61,075,928.13
JUMLAH PEMBIAYAAN			110,809,385.00	88,190,308.19

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA AKAUN MEMORANDUM
pada 31 Disember 2014**

		<u>2014</u>	<u>2013</u>
	<u>Nota</u>	RM	RM
MEMORANDUM ASET			
Pinjaman Boleh Dituntut	8(a)	483,855,345.15	497,981,106.34
Pelaburan	8(b)	136,490,874.00	181,185,879.39
MEMORANDUM LIABILITI			
Hutang Awam	9	861,709,420.15	876,731,378.34

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi tahun berakhir 31 Disember 2014

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpul menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusan bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urusan bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan Hapuskira, Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti Perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urusniaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut:

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan. Pada tahun kewangan 2014, Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang berjumlah RM28,500,000.00 telah diklasifikasikan sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan para 1.2.3 *Cash Basis IPSAS*.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit dan Wang Panjar Tabung Bencana.

Wang Tunai pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut :

<i>Perihal</i>	2014 RM	2013 RM
Wang Tunai Dalam Bank	71,351,277.70	33,020,508.87
Wang Tunai Dalam Perjalanan	5,483,289.01	3,005,866.59
Wang Tunai Dalam Tangan	741,850.21	695,425.34
JUMLAH WANG TUNAI	<u>77,576,416.92</u>	<u>36,721,800.80</u>

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan Arahan Amanah Seksyen 9 dan Suratcara Amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuat kuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada Kumpulan Wang Amanah.

Pelaburan pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2014 Nilai Buku		2013 Nilai Buku	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah RM	Pelaburan Am RM	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah RM	Pelaburan Am RM
Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Pelaburan Tabung Masjid Negeri				
Unit Amanah	510,000.00	-	510,000.00	-
Pelaburan Tabung Amanah Melaka				
Saham Tersiar Harga	8,988,016.20	-	8,696,254.36	-
Portfolio Pengurusan Dana	-	-	1,000,000.00	-
Deposit Pelabuan Tabung Amanah Melaka	10,000,000.00	-	8,600,000.00	-
Pelaburan Tabung Amanah Zoo Melaka				
Simpanan Tetap	2,000,000.00	-	2,003,843.82	-
Pelaburan Tabung Amanah Pemugaran				
Simpanan Tetap	600,000.00	-	600,000.00	-
<i>Jumlah</i>	<u>22,098,016.20</u>	<u>-</u>	<u>21,410,098.18</u>	<u>-</u>
JUMLAH PELABURAN	<u>22,098,016.20</u>		<u>21,410,098.18</u>	

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urusan terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Semua lebihan hasil tahun semasa dipindah ke Kumpulan Wang Pembangunan.

Akaun Hasil disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

Perihal	2014			2013	
	Belanjawan RM	Sebenar RM	%	Sebenar RM	%
		<i>Belanjawan</i>		<i>Belanjawan</i>	
BAKI PADA 1 JANUARI HASIL		34,069,418.88		33,297,502.03	
Hasil Cukai	104,320,000.00	90,163,118.30	86.43	83,149,129.56	76.87
Hasil Bukan Cukai	103,481,955.00	103,979,225.03	100.48	163,130,826.07	214.99
Terimaan Bukan Hasil	64,771,000.00	62,176,969.87	96.00	56,621,775.70	85.96
<i>Jumlah Hasil</i>	272,572,955.00	256,319,313.20	94.04	302,901,731.33	121.20
PERBELANJAAN MENGRUS					
Emolumen	103,337,013.34	97,030,949.68	93.90	97,011,435.68	95.55
Perkhidmatan dan Bekalan	116,419,111.58	112,645,257.88	96.76	105,073,125.16	96.76
Aset	4,955,474.60	4,776,223.66	96.38	3,944,989.15	86.67
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap**	113,609,229.48	93,590,731.81	82.38	** 92,693,213.18	92.55
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	1,111,796.00	1,084,541.56	97.55	1,407,051.31	93.29
<i>Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)</i>	339,432,625.00	309,127,704.59	91.07	300,129,814.48	94.88
<i>Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan</i>		-		2,000,000.00	15.32
<i>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)</i>	339,432,625.00	309,127,704.59	91.07	** 302,129,814.48	95.51
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>		(52,808,391.39)		771,916.85	
BAKI PADA 31 DISEMBER		(18,738,972.51)		34,069,418.88	

Nota: (**) - Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

(a) Hasil

Kutipan hasil diakaunkan mengikut asas tunai dan diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

Perihal	2014		Sebenar		2013	
	Belanjawan Asal	Belanjawan Disemak	Sebenar	% Belanjawan	Sebenar	% Belanjawan
	RM	RM	RM		RM	
HASIL CUKAI						
Cukai Tanah	87,500,000.00	87,500,000.00	72,722,872.08	83.11	70,406,727.64	80.51
Cukai Parit Dan Taliair	15,000.00	15,000.00	1,757.22	11.71	3,852.48	27.52
Cukai Keluaran Hutan	300,000.00	300,000.00	318,198.00	106.07	433,176.00	173.27
Royalti	8,980,000.00	8,980,000.00	10,806,754.92	120.34	4,719,921.16	35.14
Cukai Dari Kedai Tuak Orang Ramai	25,000.00	25,000.00	13,288.80	53.16	15,068.72	60.27
Cukai / Duti Hiburan	7,500,000.00	7,500,000.00	6,300,247.28	84.00	7,570,383.56	108.15
<i>Jumlah Hasil Cukai</i>	104,320,000.00	104,320,000.00	90,163,118.30	86.43	83,149,129.56	76.87
HASIL BUKAN CUKAI						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	4,668,405.00	4,668,405.00	5,236,081.53	112.16	5,445,006.34	123.30
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	14,363,950.00	14,363,950.00	24,714,645.56	172.06	20,438,915.84	157.43
Perolehan dari Jualan Barang-Barang	71,569,500.00	71,569,500.00	56,606,650.57	79.09	124,057,829.13	256.56
Sewaan	446,400.00	446,400.00	951,296.74	213.10	871,092.99	185.97
Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	6,301,500.00	6,301,500.00	13,026,513.31	206.72	8,741,783.04	202.97
Denda dan Hukuman	6,132,200.00	6,132,200.00	3,444,037.32	56.16	3,576,198.73	66.83
<i>Jumlah Hasil Bukan Cukai</i>	103,481,955.00	103,481,955.00	103,979,225.03	100.48	163,130,826.07	214.99

TERIMAAN BUKAN HASIL

Pulangan Balik Perbelanjaan	71,000.00	71,000.00	14,026,163.07	19,755.16	5,053,959.33	2,955.53
Terimaan daripada Agensi-agensi	64,700,000.00	64,700,000.00	48,150,806.80	74.42	51,567,816.37	78.49
<i>Jumlah Terimaan Bukan Hasil</i>	<u>64,771,000.00</u>	<u>64,771,000.00</u>	<u>62,176,969.87</u>	<u>96.00</u>	<u>56,621,775.70</u>	<u>85.96</u>
JUMLAH HASIL	<u>272,572,955.00</u>	<u>272,572,955.00</u>	<u>256,319,313.20</u>	<u>94.04</u>	<u>302,901,731.33</u>	<u>121.20</u>

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolomen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Negeri.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	2014			
	<i>Belanjawan Asal</i> RM	<i>Belanjawan Disemak</i> RM	<i>Sebenar</i> RM	<i>% Belanjawan</i>
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
T01 Peruntukan TYT Yang Dipertua Negeri Melaka	580,000.00	580,000.00	579,985.93	100.00
T02 Peruntukan Speaker Dewan Undangan Negeri	203,508.00	215,368.00	194,646.96	90.38
T03 Bayaran Hutang Kerajaan	1,000,000.00	1,000,000.00	992,387.79	99.24
T04 Pampasan Pencen Dan Ganjaran	4,754,025.00	4,754,025.00	4,410,651.27	92.78
<i>Jumlah Perbelanjaan Tanggungan</i>	6,537,533.00	6,549,393.00	6,177,671.95	94.32

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	2014		Sebenar RM	% Belanjaan
	Belanjaan Asal RM	Belanjaan Disemak RM		
PERBELANJAAN BEKALAN				
B01 Pejabat TYT Yang Dipertua Negeri Melaka	3,860,229.00	4,681,904.00	4,616,202.19	98.60
B02 Dewan Undangan Negeri	10,844,378.00	13,944,378.00	13,141,830.59	94.24
B03 Jabatan Ketua Menteri	46,759,846.00	50,340,366.00	48,764,081.56	96.87
B04 Jabatan Pertanian	5,107,769.00	5,270,347.00	5,236,399.20	99.36
B05 Pejabat Tanah Dan Galian	5,896,891.00	6,664,201.00	6,623,972.83	99.40
B06 Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah	7,445,599.00	7,985,599.00	7,895,647.52	98.87
B07 Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah	7,116,684.00	7,353,078.00	7,197,918.03	97.89
B08 Pejabat Daerah dan Tanah Jasin	6,104,962.00	6,282,962.00	6,201,463.03	98.70
B09 Sumbangan Kepada Kumpulan Wang Berkanun	28,300,000.00	49,593,250.00	31,127,244.16	62.77
B10 Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Melaka	8,522,544.00	8,522,544.00	8,501,187.07	99.75
B11 Jabatan Perhutanan Melaka	2,329,505.00	2,329,505.00	2,158,247.72	92.65
B12 Jabatan Kerja Raya Melaka	25,792,131.00	26,180,341.00	25,505,523.46	97.42
B13 Jabatan Agama Islam Melaka	48,547,905.00	52,024,471.00	51,701,990.40	99.38
B14 Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka	16,314,246.00	17,600,970.00	17,563,161.34	99.79
B15 Jab. Kew. dan Perbendaharaan Negeri Melaka	5,172,216.00	5,307,769.00	5,015,138.12	94.49
B16 Jabatan Veterinar Negeri Melaka	2,955,631.00	3,021,631.00	3,014,974.75	99.78
B17 Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	3,303,877.00	3,333,282.00	3,290,497.11	98.72
B18 Mahkamah Syariah Negeri Melaka	3,529,939.00	3,788,192.00	3,645,626.32	96.24
B19 Pejabat Mufti Negeri Melaka	2,640,708.00	2,842,708.00	2,767,764.55	97.36
B20 Jab. Kew. Dan Perbendaharaan Negeri Melaka	25,272,344.00	55,815,734.00	48,981,162.69	87.76
<i>Jumlah Perbelanjaan Bekalan</i>	265,817,404.00	332,883,232.00	302,950,032.64	91.01
PERBELANJAAN MENGURUS (sebelum pindahan)	272,354,937.00	339,432,625.00	309,127,704.59	
PINDAHAN LEBIHAN HASIL KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN			-	
PERBELANJAAN MENGURUS (selepas pindahan)			309,127,704.59	91.07

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran balik pinjaman di bawah kuasa undang-undang.

Bayaran faedah hutang Kerajaan Negeri tidak diakaun di Akaun Pinjaman Disatukan sebaliknya dikenakan kepada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan T03 berjumlah RM992,387.79 seperti di Nota 5(b).

Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2014	2013
	(Debit)/Kredit	(Debit)/Kredit
	RM	RM
PINJAMAN		
Bekalan Air		
Baki pada 1 Januari	-	-
Terimaan	0.00	7,000,000.00
Bayaran	0.00	(7,000,000.00)
Baki pada 31 Disember	-	-
Pelbagai		
Baki pada 1 Januari	-	-
Terimaan	-	-
Bayaran	-	-
Baki pada 31 Disember	-	-
BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	-	-

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, Akta-akta Amanah, Arahan Amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Bagi Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, sebahagian besar urusan semasa terdiri daripada urusan Akaun Penyelesaian. Akaun Penyelesaian ini mengakaunkan urusan niaga bagi Akaun Kawalan, Akaun Kena Bayar dan akaun seumpamanya yang tidak melibatkan terimaan atau bayaran sebenar.

Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

Perihal	<i>Baki pada</i> 01.01.2014	<i>Debit</i>	<i>Kredit</i>	<i>Baki pada</i> 31.12.2014
	<i>(Debit)/Kredit</i>			<i>(Debit)/Kredit</i>
	RM	RM	RM	RM
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN				
Kumpulan Wang Pembangunan	(361,952,410.52)	58,000,993.61	18,146,566.07	(401,806,838.06)
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	330,241,882.49	127,438,229.04	261,793,167.45	464,596,820.90
<i>Jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	(31,710,528.03)	185,439,222.65	279,939,733.52	62,789,982.84
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM				
Kumpulan Wang Amanah Awam	33,607,042.58	37,873,658.03	38,082,831.87	33,816,216.42
<i>Jumlah Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	33,607,042.58	37,873,658.03	38,082,831.87	33,816,216.42
AKAUN DEPOSIT				
Deposit Am	22,124,345.14	5,553,603.90	4,730,945.13	21,301,686.37
Deposit Pelarasan	41,620.41	2,355,860.41	2,819,760.00	505,520.00
<i>Jumlah Akaun Deposit</i>	22,165,965.55	7,909,464.31	7,550,705.13	21,807,206.37
JUMLAH AKAUN AMANAH DISATUKAN	24,062,480.10	231,222,344.99	325,573,270.52	118,413,405.63

Kurangan pembiayaan berjumlah 92,662,818.93 di Penyata Prestasi Kewangan dibiayai oleh perubahan dalam Tunai, Pelaburan dan Amanah.

(a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengaakaun terimaan dari peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

(i) **Kumpulan Wang Pembangunan** mengaakaun terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].

Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi & Kesejahteraan Hidup, pinjaman yang diambil bagi maksud pembangunan dan terimaan bayaran balik pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulan wang ini.

Bayaran kumpulan wang ini adalah perbelanjaan pembangunan secara langsung atau pinjaman.

Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2014	2013
	(Debit)/Kredit	(Debit)/Kredit
	RM	RM
<i>BAKI PADA 1 JANUARI</i>	(361,952,410.52)	(300,104,565.54)
TERIMAAN		
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan	-	2,000,000.00
Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan	-	7,000,000.00
Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup	17,139,000.00	17,139,000.00
Sewa Rumah Awam kos Rendah	762,056.07	407,860.06
Jualan Rumah Kos Rendah	245,510.00	567,520.00
<i>Jumlah Terimaan</i>	18,146,566.07	27,114,380.06
BAYARAN		
Perbelanjaan Pembangunan		
Langsung	58,000,993.61	60,659,745.04
Pinjaman	-	28,302,480.00
<i>Jumlah Bayaran</i>	58,000,993.61	88,962,225.04
<i>Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun</i>	(39,854,427.54)	(61,847,844.98)
BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN PADA 31 Disember	<u>(401,806,838.06)</u>	<u>(361,952,410.52)</u>

Maklumat terperinci perbelanjaan pembangunan dapat dirujuk di Lampiran 2 – Penyata Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014.

(ii) **Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan** terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuh di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud tertentu. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah caruman daripada Kerajaan. Sebahagian dari kumpulan wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bagi bayaran langsung.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2014	2013
	(Debit)/Kredit	(Debit)/Kredit
	RM	RM
AKAUN PENYELESAIAN		
Akaun Semasa Antara Pentadbiran	300,000.00	300,000.00
Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan	5,651,458.46	9,981,704.43
Pendahuluan Bayaran Khas Kewangan Negeri	218,005,686.32	-
<i>Jumlah Akaun Penyelesaian</i>	223,957,144.78	10,281,704.43
AKAUN PINJAMAN		
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	675,731.61	575,288.12
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	2,075,172.01	2,337,500.17
Kumpulan Wang Pendahuluan Diri	(18,957.08)	2,345.48
Kumpulan Wang Pendahuluan Pelbagai	360,990.14	173,540,655.56
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	213,745.41	258,942.39
Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun	2,214,676.83	(1,000,000.00)
<i>Jumlah Akaun Pinjaman</i>	5,521,358.92	175,714,731.72
KUMPULAN WANG LUAR JANGKA		
Kumpulan Wang Amanah Belanja Mengejut	11,016,700.00	1,016,700.00
<i>Jumlah Kumpulan Wang Luar Jangka</i>	11,016,700.00	1,016,700.00

AKAUN AMANAH KERAJAAN

Kumpulanwang Amanah Pelancongan Negeri Melaka	169,693.53	-
Kumpulanwang Amanah Pendidikan Negeri Melaka - Baitulmal / Asnaf	3,318,185.29	2,020,965.96
Kumpulanwang Amanah Pendidikan Negeri Melaka - Biasa	2,336,119.75	1,161,327.90
Kumpulanwang Amanah Kebajikan Negeri Melaka	2,116,671.75	1,182,556.08
Kumpulanwang Amanah Dakwah Negeri Melaka	1,323,398.90	1,403,914.14
Kumpulanwang Amanah Inkubator Usahawan K-Ekonomi Negeri Melaka	199,133.12	107,565.31
Kumpulanwang Amanah Pembangunan Hartanah Negeri Melaka	41,433,678.45	8,713,067.24
Kumpulanwang Amanah Bantuan Bencana Negeri Melaka	1,054,652.37	971,029.32
Kumpulanwang Amanah Teknologi Pembuatan Negeri Melaka	107,589.65	194,974.38
Akaun Amanah Sumbangan Saliran	2,119,708.01	4,205,454.21
Kumpulanwang Amanah Penyelenggaraan Jalan	38,846,833.96	34,643,060.61
Kumpulanwang Amanah Projek Perumahan Awam Negeri Melaka (PAKR)	4,014,399.99	5,236,385.55
Kumpulanwang Amanah Rancangan Kelas Pengajian Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)	122,568.33	159,387.83
Kumpulanwang Amanah Pembangunan Hutan Negeri	514,899.12	489,191.42
Kumpulanwang Amanah Pembelian MISDC	4,333,468.95	4,333,468.95
Kumpulanwang Amanah Tabung Amanah Melaka	101,272,037.62	53,694,817.93
Kumpulanwang Amanah Pemuliharaan dan Pemugaran	142,475.66	882,022.44
Kumpulanwang Masjid Negeri	516,078.41	828,947.91
Kump Wang Amanah Prog Industrial Skills Enhancement Prog (INSEP) & W/Force Tech Transformation (WTP) dan Robotics	10,015,485.41	10,670,576.41
Tabung Projek Perumahan Terbilang	679,349.00	679,349.00
Kumpulanwang Amanah Sukan Awam Negeri Melaka	473,441.00	591,617.00
	215,109,868.27	132,169,679.59
Akaun Kena Bayar	8,991,748.93	11,059,066.75
JUMLAH PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	464,596,820.90	330,241,882.49

(b) Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam mengaakun terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas atau Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada badan-badan atau orang perseorangan untuk tujuan tertentu.

Kumpulan Wang Amanah Awam yang matan bagi setiap Kumpulan Wang Amanah pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

Perihal	2014	2013
	(Debit)/Kredit	(Debit)/Kredit
	RM	RM
Akaun Amanah Am Negeri Melaka	8,501,925.25	4,907,971.55
Akaun Amanah Zoo Melaka	-	12,972,152.63
Akaun Amanah Infrastruktur	3,456,171.98	1,382,204.58
Tabung Amanah Kebajikan Nelayan Daerah Melaka Tengah	16,311,972.58	10,435,422.58
Akaun Amanah Caj Warisan	3,683,940.88	1,856,502.68
Akaun Amanah Pengurusan SPEKS	443,645.19	459,680.89
Akaun Amanah Elaun Ketua Kampung	233,090.00	429,220.00
Akaun Amanah Kumpulan Briged Seni Negeri Melaka	17,031.73	23,791.51
Akaun Amanah Projek Berasaskan Kayu	44,081.97	44,081.97
Akaun Amanah Tabung Khas Bantuan Kemanusiaan Penduduk Palestin	520,726.59	476,333.94
Akaun Amanah Bahagian Sokongan Keluarga Negeri Melaka	263,131.00	267,181.00
Akaun Amanah JK Pendukung Askar Wataniah N.Melaka	21,933.80	26,933.80
Akaun Amanah Tabung Kesihatan Negeri Melaka	318,565.45	325,565.45
JUMLAH KUMPULAN WANG AMANAH AWAM	33,816,216.42	33,607,042.58

(c) Akaun Deposit

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

Akaun Deposit bagi setiap kategori Deposit pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

Perihal	2014	2013
	(Debit)/Kredit	(Debit)/Kredit
	RM	RM
DEPOSIT AM		
Akaun Deposit Am Jabatan Negeri	2,635,682.69	2,705,063.27
Akaun Cagaran	1,975,377.74	1,414,753.34
Akaun Cagaran Kantin	3,000.00	1,500.00
Akaun Cagaran Sewa Bangunan/Gerai/Kedai	19,025.00	33,285.00
Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	13,362,779.87	14,777,778.08
Akaun Deposit Am Jabatan Persekutuan	-	443.00
Akaun Deposit Tanah	980,572.67	914,572.67
Akaun Deposit Cukai Hiburan	42,960.00	42,960.00
Akaun Deposit Bon Jaminan Mahkamah Syariah	471,940.00	471,725.00
Akaun Deposit Sistem Kultur Laut	226,895.10	44,005.10
Akaun Deposit Sewa Rumah Kos Rendah	1,086,385.32	1,094,549.42
Pelbagai Deposit Am	439,488.20	480,005.48
Akaun Deposit Jaminan Pejabat Daerah Jasin	56,600.00	142,725.00
Akaun Deposit Bon Pelaksanaan Perkhidmatan Kawalan	739.78	739.78
Akaun Deposit Rumah Pangsa Balai Panjang	240.00	240.00
<i>Jumlah Deposit Am</i>	21,301,686.37	22,124,345.14
DEPOSIT PELARASAN		
Terimaan Yang Tidak Diperuntukkan	505,520.00	41,620.41
<i>Jumlah Deposit Pelarasan</i>	505,520.00	41,620.41
JUMLAH AKAUN DEPOSIT	21,807,206.37	22,165,965.55

Maklumat terperinci Akaun Deposit mengikut jabatan dapat dirujuk di Lampiran 2 (ii) – Penyata Akaun Wang Deposit

8. MEMORANDUM ASET

Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan kerajaan iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan, tetapi tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun, Koperasi, Syarikat, Perseorangan dan Pelbagai.

Terdapat pelarasan secara kontra oleh agensi badan berkanun yang telah diambil kira dalam Lampiran 3 tetapi belum diambil kira dalam Kumpulan Wang Disatukan. Pelarasan ini telah mengurangkan baki Kumpulan Wang kepada Badan Berkanun tidak termasuk bayaran balik secara kontra oleh agensi bagi projek tahun 2002 berjumlah RM4,014,292.61 yang berbaki RM2,898,237.92 dan RM8,914,250.84 bagi tahun 2005.

Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	Baki Belum Selesai pada	
	2014	2013
	RM	RM
Sumber Persekutuan		
Badan Berkanun	334,029,405.51	345,147,571.52
Sumber Negeri		
Pihak Berkuasa Tempatan	100,000.00	200,000.00
Badan Berkanun	36,963,026.49	38,450,069.18
Syarikat	109,570,062.18	111,197,696.32
Orang Perseorangan	3,192,850.97	2,985,769.32
JUMLAH PINJAMAN BOLEH DITUNTUT	483,855,345.15	497,981,106.34

Maklumat Terperinci Pinjaman Boleh Dituntut dapat dirujuk di Lampiran 3 – Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2014.

(b) Pelaburan

Pelaburan adalah pegangan ekuiti dalam syarikat dan pemilikan aset. Pelaburan pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

Perihal	Nilai Buku	
	2014 RM	2013 RM
Tabung Amanah Melaka (Saham Tak Tersiar)	2,300,000.00	2,300,000.00
Perbadanan Ketua Menteri (Saham Tak Tersiar)	65,143,002.00	65,843,002.00
Tabung Amanah Melaka (Hartanah)	69,047,872.00	113,042,877.39
JUMLAH PELABURAN	136,490,874.00	181,185,879.39

Maklumat terperinci Pelaburan dapat dirujuk di Lampiran 4 - Penyata Akaun Memorandum Pelaburan pada 31 Disember 2014.

9. MEMORANDUM LIABILITI

Memorandum Liabiliti menunjukkan sebahagian liabiliti kerajaan iaitu Hutang Awam dan Pelbagai Liabiliti yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) Hutang Awam

Hutang Awam diklasifikasikan sebagai Pinjaman selaras dengan Para 1.10. Cash Basis IPSAS. Sejumlah RM26,263,624.00 merupakan pendahuluan yang diterima dari Kerajaan Persekutuan. Akaun ini berbaki RM22,963,624.00 pada 31 Disember 2014. Hutang Awam pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

Perihal	2014	2013
	RM	RM
DALAM NEGERI		
Badan berkanun	225,837,830.08	240,700,252.01
Bekalan Air	145,191,773.00	145,191,773.00
Perumahan Awam Kos Rendah	92,718,726.28	92,718,726.28
Pelbagai	397,961,090.79	398,120,627.05
Jumlah Hutang Awam	861,709,420.15	876,731,378.34

Maklumat terperinci Hutang Awam dapat dirujuk di Lampiran 5 - Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam pada 31 Disember 2014.

10. AKAUN BELUM TERIMA

Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2014 berjumlah RM65,876,624.10 berdasarkan rekod Jabatan dilaporkan sebagai maklumat tambahan walaupun Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai.

11. WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR

Tiada amaun pendahuluan kepada kontraktor yang belum diimbuhbalik pada 31 Disember 2014.

12. SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN KERAJAAN NEGERI MELAKA

Sehingga 31 Disember 2014, terdapat sebanyak 6 buah syarikat berhad menurut jaminan Kerajaan Negeri. Syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut:-

1. Kolej Universiti Islam Melaka
2. Dunia Melayu Dunia Islam
3. Institut Pengurusan Dan Integriti Melaka
4. Institut Kajian Sejarah Dan Patriotisme Malaysia
5. Institut Seni Malaysia Melaka
6. Yayasan DMDI



www.audit.gov.my

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

No. 15, Aras 1-5

Persiaran Perdana, Presint 2

62518 wilayah persekutuan Putrajaya